Buku Kerja Aktiviti Pelajar untuk

PristineWorld

# Siri Penjelajah Visual Alkitab



SAMPLE

# Cerita Kehidupan Yesus

**Jilid 1: Yesus – Dari Kelahiran Sehingga Pemuliaan**

**Jilid 2: Yesus – Penyelamat**

## *Pra-Remaja*

Penerbitan Buku Kristian

## *Umur 11 - 12*

SAMPLE

Buku Kerja Aktiviti Pelajar untuk

# Siri Penjelajah Visual Alkitab

berdasarkan

# Cerita Kehidupan Yesus

**Jilid 1: Yesus – Dari Kelahiran Sehingga Pemuliaan**

**Jilid 2: Yesus – Penyelamat**

## Pra-Remaja

# (Umur 11 - 12)

SAMPLE

# Hak Cipta

Diterbitkan buat pertama kali di Malaysia oleh
Pristine World Sdn Bhd pada 2023

Hak cipta © 2023 Pristine World Sdn Bhd, Malaysia

Hak cipta terpelihara. Mana-mana bahagian penerbitan atau multimedia ini tidak boleh disalin, disimpan dalam sistem penemuan kembali atau dihantar dalam sebarang bentuk atau melalui apa jua cara sama ada elektronik, mekanikal, fotostat, rakaman, imbasan, atau cara-cara lain, sebelum mendapat izin bertulis daripada pemegang hak cipta.

Ayat Alkitab dipetik daripada ALKITAB VERSI BORNEO.
Hak cipta © 2015.

'Dipetik daripada Alkitab
© Borneo Sabda Limited'

SAMPLE

# Penghargaan

Pristine World ingin mengucapkan terima kasih kepada Goh Kim Guat, Lydia Wong Hwei Ming, Chew Bee Bee dan Samantha Yong kerana meluangkan masa membantu dalam pengembangan Buku Aktiviti Pelajar untuk siri ini.

# Bagaimana menggunakan Buku ini

**Menggunakan Buku ini sebagai Buku Pengiring**

Buku aktiviti pelajar ini direka sebagai buku pengiring lalu paling baik digunakan bersama buku multimedia "Siri Penjelajah Visual Alkitab – Cerita Kehidupan Yesus Jilid 1 dan 2."

Dalam suasana sekolah Minggu atau kelas Alkitab Kanak-kanak, cikgu boleh mainkan pelajaran multimedia satu per satu dan seterusnya membahagikan kelas mengikut umur. Dalam kelompok umur, cikgu bolehlah menggunakan buku aktiviti pelajar ini untuk menegas semula pengajaran yang telah disampaikan melalui multimedia.

**Menggunakan Buku tanpa Multimedia**

Kami faham bahawa bukan semua kelas mempunyai kemudahan untuk menggunakan buku multimedia. Kelas Alkitab boleh dijalankan menggunakan Buku Aktiviti Pelajar dan Alkitab. Dalam kes ini, amat penting untuk seseorang membacakan petikan yang diberi untuk pelajaran. Petikan yang digunakan dalam buku aktiviti diambil daripada Alkitab Versi Borneo.

**Tempoh setiap Pengajaran**

Kami cadangkan cikgu mengambil masa sekurang-kurangnya 40 – 50 minit untuk setiap pelajaran. Namun, jikalau sesuatu pelajaran tidak sempat dihabiskan dalam masa yang diperuntukkan, boleh bersambung pada minggu seterusnya. Sebaik-baiknya, satu pelajaran setiap minggu.

**Menjurnal respons mereka**

Minta pelajar tulis jawapan mereka kepada soalan-soalan Respons, Penerapan dan Doa terus dalam buku. Seterusnya, buku boleh dijadikan jurnal atau album foto pengembangan rohani mereka sewaktu mereka mengambil pengembaraan penjelajahan dalam perjalanan Kristian mereka; tetapi ingatkan pelajar bahawa proses membesar memerlukan pembelajaran serta penerapan.

Semoga anda diberkati ketika menggunakan Siri Penjelajah Visual Alkitab untuk belajar dan menerap pengajaran berharga daripada Alkitab.

SAMPLE

# Carta Ringkasan Pelayanan Kristus

| Peristiwa | Tempat | Tarikh (anggaran) |
|---|---|---|
| 1. Kelahiran Yesus | Betlehem | 4 -6 SM |
| 2. Pembaptisan Yesus | Sungai Yordan | 26 TM |
| 3. Yesus dicuba Syaitan | Tanah Gurun | 26 TM |
| 4. Yesus memanggil murid pertama-Nya | Kapernaum, Tasik Galilea | 27 TM |
| 5. Yesus memilih 12 murid | Kapernaum | 28 TM |
| 6. Khutbah di atas Bukit | Galilea | 28 TM |
| 7. Yesus meredakan angin ribut dan<br>menyembuhkan anak perempuan Yairus | Tasik Galilea<br>Kapernaum | <br>28 TM |
| 8. 12 murid diutus keluar berkhutbah dan menyembuhkan orang | Kapernaum | 28 TM |
| 9. Herodes Antipas membunuh Yohanes Pembaptis | Machaerus | 29 TM |
| 10. Yesus memberi makan orang ramai lalu berjalan di atas air | Dekat Betsaida<br>Tasik Galilea | 29 TM |
| 11. Petrus mengatakan Yesus itu Anak Tuhan | Kaisarea Filipi | 29 TM |
| 12. Yesus dimuliakan | Puncak gunung | seminggu kemudian |
| 13. Yesus membangkitkan Lazarus yang mati | Betania | Hujung 29 TM |
| 14. Yesus memulakan perjalanan terakhir ke Yerusalem | Betania | 30 TM |
| 15. Yesus bertemu Zakheus | Yerikho | 30 TM |
| 16. Yesus masuk ke Yerusalem dan tinggal di sana buat minggu terakhir | Yerusalem | 30 TM Isnin hingga Khamis |
| 17. Penyaliban | Yerusalem | Jumaat |
| 18. Kebangkitan | Yerusalem | Ahad |
| 19. Yesus menunjukkan diri-Nya kepada 10 murid | Yerusalem | Ahad |
| 20. Yesus menunjukkan diri-Nya kepada 11 murid (termasuk Tomas) | Yerusalem | Seminggu kemudian |
| 21. Yesus berbual dengan beberapa murid | Tasik Galilea | - |
| 22. Yesus naik ke syurga | Bukit Zaitun, Yerusalem | 40 hari |

*** Anggaran tarikh tambah tolak 2 tahun**

SAMPLE

# Peta bagi tempat-tempat utama dalam cerita kehidupan Yesus




SAMPLE

# Cerita Kehidupan Yesus Jilid 1

## ISI KANDUNGAN


| | | |
|---|---|---|
| Pelajaran 1 | Kelahiran Yohanes Pembaptis Diramal | 8 |
| Pelajaran 2 | Kelahiran Yesus Diramal | 10 |
| Pelajaran 3 | Kelahiran Yesus | 12 |
| Pelajaran 4 | Bintang dan Ahli ilmu Bintang | 14 |
| Pelajaran 5 | Yohanes Pembaptis | 16 |
| Pelajaran 6 | Pencubaan Yesus | 18 |
| Pelajaran 7 | Aku Jadikan Kamu Penjala Manusia | 20 |
| Pelajaran 8 | Panggilan 12 Murid | 22 |
| Pelajaran 9 | Kuasa Menyembuhkan dan Mengampun Dosa | 24 |
| Pelajaran 10 | Kuasa Mengampun Dosa | 26 |
| Pelajaran 11 | Ucapan Bahagia | 28 |
| Pelajaran 12 | Khutbah Di Bukit | 30 |
| Pelajaran 13 | Iman, Kuasa dan Kewibawaan | 32 |
| Pelajaran 14 | Yesus Dan Anak Yairus | 34 |
| Pelajaran 15 | Memberi Makan Kerumunan Besar | 36 |
| Pelajaran 16 | Petrus Mengisytiharkan Yesus Mesias | 38 |
| Pelajaran 17 | Pemuliaan | 40 |


SAMPLE

# Cerita Kehidupan Yesus Jilid 2

## ISI KANDUNGAN


| | | |
|---|---|---|
| Pelajaran 18 | Wanita Samaria dan Orang Samaria Yang Baik Hati | 42 |
| Pelajaran 19 | Kepentingan Menjadi Rendah Hati | 45 |
| Pelajaran 20 | Ibarat Tentang Yang Hilang dan Yang Dijumpai | 48 |
| Pelajaran 21 | Yesus dan Lazarus | 51 |
| Pelajaran 22 | Yesus dan Zakheus | 54 |
| Pelajaran 23 | Yesus Masuk ke Yerusalem | 56 |
| Pelajaran 24 | Yesus dan Nikodemus | 58 |
| Pelajaran 25 | Perjamuan Tuhan | 60 |
| Pelajaran 26 | Jamuan Paskah dan Ertinya | 62 |
| Pelajaran 27 | Taman Getsemani | 64 |
| Pelajaran 28 | Yesus Dihakimi Orang Yahudi | 66 |
| Pelajaran 29 | Yesus Menghadap Pilatus | 68 |
| Pelajaran 30 | Penyaliban | 71 |
| Pelajaran 31 | Jam Selepas Penyaliban | 73 |
| Pelajaran 32 | Kebangkitan | 76 |
| Pelajaran 33 | Sarapan Terakhir | 78 |
| Pelajaran 34 | Perintah Untuk Memberitakan Injil | 80 |
| Nota | | 82 |


SAMPLE

# Pelajaran 1

# Kelahiran Yohanes Pembaptis Diramal

Berdasarkan Bab 1 dalam E-Pelajar

**Kebenaran Alkitab:**
Tuhan memilih kita sebelum kita dilahirkan dan Dia mempunyai tujuan khusus untuk setiap daripada kita.

**Objektif:**
Agar pelajar bersyukur kerana Tuhan memilih mereka sebelum mereka dilahirkan dan mempunyai tujuan khusus untuk hidup mereka.

**Rujukan Alkitab:**
Lukas 1:5 – 25; 57 – 80



**Ayat Hafalan:**
"Aku tahu rancangan-rancangan yang Kubuat bagi kamu," demikianlah firman Tuhan, "iaitu rancangan kesejahteraan, bukan malapetaka, untuk mengurniakan kepada kamu masa depan dan harapan." Yeremia 29:11

SAMPLE

## Belajar

### Pertemuan Yang Mengejutkan

Baca Lukas 1:5-25 sekelas. Tiga daripada kamu boleh membaca bahagian pencerita, malaikat, dan Zakharia. Selepas itu siapkan silang kata di bawah dengan menggunakan cerita pengalaman Zakharia dalam Bait Suci untuk membantu kamu. Kata-kata boleh dijumpa dalam kumpulan kata di halaman berikut.



Suatu hari, Zakharia diundi membakar ______________ (*16 melintang*)

di mazbah ______________ (*6 melintang*) Suci Tuhan. Jadi dia

masuk sementara ______________ (*10 melintang*) berdoa di luar.

Ketika Zakharia berdiri di hadapan mazbah, dia

nampak ______________ (*4 ke bawah*) Tuhan berdiri di hadapannya.

Zakharia ______________ (*9 melintang*). Tetapi malaikat tersebut

berkata kepadanya supaya jangan takut kerana

Tuhan mendengar ______________ (*3 ke bawah*) nya dan isterinya

______________ (*5 melintang*) akan melahirkan anak lelaki yang

harus mereka namakan ______________ (*7 melintang*).


*Hak Cipta terpelihara © Pristine World Sdn Bhd*

Malaikat tersebut berkata bahawa anakknya akan menjadi orang ______________ *(1 ke bawah)* pada pandangan Tuhan. Tetapi, dia tidak boleh minum ______________ *(15 ke bawah)* atau minuman keras. Sejak dilahirkan, dia akan ______________ *(2 ke bawah)* Roh Kudus dan akan mengembalikan ramai orang ______________ *(11 ke bawah)* kepada Tuhan. Dia seakan-akan ______________ *(14 melintang)* Elia dan mempersiapkan kaum Tuhan untuk kedatangan-Nya.

Tetapi Zakharia susah mempercayai ______________ *(8 ke bawah)* malaikat. Oleh sebab itu, malaikat Gabriel menyatakan bahawa dia tidak boleh ______________ *(12 ke bawah)* dan akan bisu hingga pada hari segala perkara tersebut berlaku. Apabila Zakharia keluar, dia tidak dapat menyebut sepatah perkataan pun kepada orang ramai dan terpaksa membuat ______________ *(13 ke bawah)* dengan tangannya.

## Kumpulan Kata

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| doa | Israel | berita | bercakap | dipenuhi | kemenyan |
| Yohanes | arak | Elisabet | takut | nabi | isyarat |
| besar | Bait | Malaikat | orang ramai | | |

SAMPLE

## Pengajaran daripada Cerita

Misi Yohanes diberikan sebelum dia dilahirkan. Dia harus menyediakan jalan bagi Mesias.

## Respons

Jawab soalan di bawah:

1. Apakah rancangan Tuhan untuk Yohanes Pembaptis, anak Zakharia?

______________________________________________

______________________________________________

2. Bagaimana agaknya perasaan Yohanes apabila dia besar dan mendapat tahu daripada ayahnya yang Tuhan memilihnya untuk tujuan khusus-Nya sebelum dia dilahirkan.

______________________________________________

______________________________________________

______________________________________________

3. Tahukah kamu bahawa kamu tidak berbeza sangat daripada Yohanes kerana Tuhan mempunyai rancangan khusus bagi setiap anak-Nya. Baca Yeremia 29:11

______________________________________________

______________________________________________

## Doa

Persembahkan apa yang telah ditulis sebagai doa kepada Tuhan dan minta bantuan-Nya supaya kamu membesar dengan mengasihi-Nya dan mentaati-Nya agar boleh menunai rancangan-Nya untuk hidupmu.

# Pelajaran 2

# Kelahiran Yesus Diramal

Berdasarkan Bab 2 dalam E-Pelajar

**Kebenaran Alkitab:**
Tidak kira apa kesusahan yang kita hadapi, kita boleh yakin bahawa Tuhan selalu menepati janji-Nya kepada kita.

**Objektif:**
Agar pelajar meyakini bahawa Tuhan setia dan selalu menepati janji-Nya kepada mereka.

**Rujukan Alkitab:**
Lukas 1:26 – 56

**Ayat Hafalan:**
Maria berkata, "Aku ini hamba Tuhan. Semoga terjadilah kepadaku seperti yang engkau katakan itu." Lalu malaikat pun meninggalkannya. Lukas 1:38



SAMPLE

## Belajar

### Baca Lukas 1:26 – 38

Berikut sebahagian perbualan antara malaikat Gabriel dan Maria. Isi tempat kosong untuk mendapat tahu apa yang dikatakan sesama mereka.

I.

**Malaikat:** S_________ kepadamu yang amat d__________! Tuhan bersamamu! Janganlah ta_____, hai Maria, kerana engkau telah d_______ Tuhan. Engkau akan hamil dan melahirkan seorang anak lelaki. Engkau hendaklah menamai-Nya _________.

**Maria:** Bagaimanakah perkara ini dapat berlaku, sedangkan aku masih d_______?

II.

**Malaikat:** R_____ _________ akan turun ke atasmu, dan kuasa Tuhan Yang Maha Tinggi akan menaungimu. Oleh itu, anak suci yang akan dilahirkan akan digelar A_______ Tuhan. Tambahan pula, saudaramu E__________ yang dahulu dikatakan mandul pun telah hamil enam bulan walaupun dia sudah tua. Sebabnya bagi Tuhan t_______ _________ yang mustahil.

**Maria:** Aku ini h__________ Tuhan. Semoga terjadilah kepadaku seperti yang engkau katakan itu.

## Pengajaran daripada Cerita

Walaupun dia sedar akan kesusahan kelak, Maria mempercayai apa yang dikatakan malaikat dan tunduk kepada rancangan Tuhan.

 *Hak Cipta terpelihara © Pristine World Sdn Bhd*

## Respons

I. Ingat bahawa kemungkinan besar Maria remaja muda pada waktu itu, umur hanya beberapa tahun lebih tua daripada kamu sekarang. Dia baru bertemu malaikat Tuhan, sesuatu yang pasti amat mengejutkan dan diberitahu bahawa dia akan hamil dan melahirkan Anak Tuhan.

Bagaimana agaknya perasaan Maria? Isi diari Maria.

**Diari Tersayang,**

Sesuatu yang amat menakjubkan terjadi hari ini. ______________________________

______________________________________

______________________________________

______________________________________

______________________________________

______________________________________

__________

II. Maria juga akan menghadapi banyak masalah apabila dia menyetujui rancangan Tuhan untuk hidupnya. Lukis garisan untuk menyambung ayat-ayat berikut untuk mendapat tahu masalah yang dihadapi Maria kelak.

| | |
|---|---|
| **Mengikut hukum Musa** | **boleh mengusirnya keluar rumah** |
| **Yusuf, iaitu tunangnya** | **boleh menghina dan menyingkirkannya** |
| **Keluarganya** | **orang ramai boleh merejamnya dengan batu** |
| **Rakan dan jirannya** | **boleh menolak untuk mengahwininya** |

III. Mari kita jenguk seketika apa yang terjadi akhirnya (kamu akan belajar lebih banyak mengenainya dalam pelajaran seterusnya).

Apa yang dilakukan Tuhan untuk Maria? Rujuk Matius 1:19 – 20

______________________________________

______________________________________

Akhirnya, apa yang terjadi kepada Maria? Baca Matius 1:24 – 25

______________________________________

______________________________________

IV. Kita saksikan bahawa Tuhan setia kepada janji-Nya dan Dia melindungi Maria (dia tidak perlu melalui masalah-masalah yang dinyatakan di atas) dan menunaikan firman-Nya bahawa dia akan melahirkan Anak-Nya.

Apakah perkara yang membimbangkan kamu atau masalah yang kamu hadapi? Cuba senaraikan di bawah.

## Senarai Kekhuatiran Saya



Alkitab memberitahu bahawa Tuhan setia akan janji-Nya dan tidak kira apa masalah yang kita hadapi, kita boleh yakin bahawa Tuhan akan menjaga kita dan akan menunaikan rancangan-Nya untuk hidup kita, sama seperti yang dibuat-Nya untuk Maria.

## Doa

Cuba bawa semua perkara dalam Senarai Kekhuatiran kamu kepada Tuhan dan minta-Nya membantu kamu menyerahkan segalanya kepada-Nya dan yakin bahawa dia tahu menjagamu.

SAMPLE

# Pelajaran 3

# Kelahiran Yesus

Berdasarkan Bab 2 dalam E-Pelajar

**Kebenaran Alkitab:**
Kita dipanggil untuk mentaati Tuhan walaupun kita tidak faham apa yang dilakukan-Nya.

**Objektif:**
Belajar mentaati Tuhan walaupun kita tidak faham apa yang dilakukan-Nya.

**Rujukan Alkitab:**
Matius 1:18 – 25; Lukas 2:1 – 20

**Ayat Hafalan:**
"Sesungguhnya, mematuhi itu lebih baik daripada korban sembelihan."
1 Samuel 15:22b



SAMPLE

## Belajar

### Malam Ajaib Itu!

Tuliskan nombor dalam petak-petak mengikut turutan yang betul untuk menceritakan peristiwa malam ajaib ketika Yesus lahir.

- Yusuf dan Maria berangkat dari Nazaret ke Betlehem di Yudea. ☐
- Petanda untuk mereka adalah seorang bayi dibalut kain dan dibaringkan dalam palung. ☐
- Gembala berlari ke kampung dan mendapati bayi tersebut di dalam palung seperti yang diberitahu malaikat. ☐
- Malaikat menyuruh Yusuf menamakan anaknya Yesus kerana Dia akan menyelamatkan umat-Nya daripada dosa. ☐
- Yusuf berniat memutuskan pertunangan dengan Maria. ☐
- Mereka kembali menyanyi memuji Tuhan untuk apa yang telah disaksikan. ☐
- Dia melahirkan anak lelaki dan meletakkannya dalam palung kerana tiada bilik dalam rumah tumpangan. ☐
- Malaikat Tuhan memperlihatkan diri kepadanya dalam mimpi dan berkata usah takut memperisterikan Maria. ☐
- Tiba-tiba suatu angkatan syurga yang besar menjelma di langit dan memuji Tuhan. ☐
- Malam itu, malaikat Tuhan memperlihatkan diri kepada gembala yang menjaga kambing dan mengumumkan bahawa Penyelamat mereka telah dilahirkan di Betlehem. ☐


Hak Cipta terpelihara © Pristine World Sdn Bhd

## Pengajaran daripada Cerita

- Yusuf mentaati arahan Tuhan untuk mengahwini Maria.
- Gembala biasanya dari golongan yang lebih miskin di Israel. Tuhan memilih mereka sebagai orang pertama mendengar berita kelahiran Yesus.

## Respons

I. Seperti Maria, Yusuf pun ada pengalaman mengejutkan. Bagaimana agaknya perasaan Yusuf ketika melalui segala peristiwa tersebut?

Pangkahkan petak yang kamu fikir paling baik menggambarkan perasaan Yusuf, atau tulis huraian sendiri.

a. Dia mendapati bahawa Maria hamil.

☐ Terkejut ☐ Sakit hati

☐ Marah

b. Maria memberitahu bahawa Roh Kudus yang bertanggungjawab membuatnya hamil.

☐ Ragu-ragu ☐ Keliru

☐ Takjub

c. Dia bermimpi Tuhan menyuruhnya mem peristerikan Maria.

☐ Kagum ☐ Susah hati

☐ Tidak yakin

Meskipun perasaannya berkecamuk, apa yang dibuat Yusuf apabila bangun tidur selepas bermimpi?

________________________________________

________________________________________

II. Gembala juga mengalami kejutan mereka sendiri. Bagaimana agaknya perasaan mereka tatkala melihat bukan seorang malaikat, bahkan sekumpulan malaikat di langit bercakap dan menyanyi kepada mereka?

________________________________________

________________________________________

III. Apakah pelajaran yang boleh didapati daripada Yusuf dan gembala?

________________________________________

________________________________________

Salah satu ciri Yusuf dan gembala adalah mereka melakukan apa yang disuruh Tuhan walaupun pasti tidak berapa faham apa yang sedang berlaku. Jika Yusuf tidak mentaati Tuhan tanpa soalan, kemungkinan besar Maria direjam batu. Ketaatan Yusuf membolehkan Tuhan melaksanakan rancangan-Nya membawa Yesus ke dalam dunia.

IV. Adakah kamu mendapati sukar mentaati Tuhan selalu? ____________________

Bilakah masa-masa yang kamu dapati sukar untuk mentaati Tuhan?

________________________________________

________________________________________

## Doa

Cuba bersyukur kepada Tuhan kerana mengasihi kamu walaupun kamu tidak selalu mentaati-Nya. Kemudian, minta Dia membantu kamu mentaati-Nya walaupun rasa sukar berbuat demikian.

SAMPLE

# Pelajaran 4

# Bintang dan Ahli ilmu Bintang

Berdasarkan Bab 3 dalam E-Pelajar

**Kebenaran Alkitab:**
Tuhan selalu melindungi umat-Nya apabila mereka hidup mentaati-Nya.

**Objektif:**
Agar pelajar mendapati bahawa Tuhan selalu melindungi mereka apabila mereka belajar mentaati-Nya.

**Rujukan Alkitab:** Matius 2:1 – 23; Lukas 1:46 – 56; 2:8 – 20

**Ayat Hafalan:** "Kerana dia telah menumpukan kasihnya kepada-Ku, maka Aku akan melepaskannya; Aku akan meletakkannya di tempat tinggi, kerana dia mengetahui nama-Ku." Mazmur 91:14



SAMPLE

## Belajar

### Siapakah mereka?

Baca Matius 2:1 – 18. Apa yang kamu tahu tentang Herodes dan Ahli ilmu bintang? Buatkan suatu Fail Fakta dengan mengisi tempat kosong.

menyembah 2 mir Yudea ahli ilmu bintang risau marah
Timur mimpi emas dupa Yerusalem Betlehem

**Fail Fakta: Raja Herodes**

- Raja ______________ ketika Yesus dilahirkan.
- Sangat _____________ apabila mendapat tahu bayi dilahirkan yang akan menjadi Raja Orang Yahudi kelak.
- Mengadakan mesyuarat rahsia dengan __________________ untuk mendapat tahu bila bintang tersebut terbit.
- Sangat __________ bila sedar dirinya ditipu oleh Ahli ilmu bintang.
- Mengarahkan pembunuhan budak lelaki berumur _________ke bawah di Betlehem.

**Fail Fakta: Ahli ilmu bintang**

- Datang dari __________untuk menyembah Yesus.
- Tiba di ____________ dan berjumpa dengan Raja Herodes.
- Mengikut bintang sampai ________________.
- Apabila bertemu bayi dan ibunya Maria, mereka bersujud dan ________________nya.
- Menghadiahi _________, _________ dan _________ kepada bayi Yesus.
- Pulang mengikut jalan lain apabila ditegur Tuhan dalam _________ supaya jangan kembali kepada Herodes.


*Hak Cipta terpelihara © Pristine World Sdn Bhd*

## Pengajaran daripada Cerita

- Mesias dilahirkan dan diletakkan dalam palung di Betlehem. Tetapi kelahiran-Nya ditandai oleh sebutir bintang di langit. Dia akan disembah oleh para gembala serta orang arif dari luar negara.
- Kelahiran tersebut membawa bahaya dan diikuti tragedi bagi ramai kanak-kanak. Tetapi Tuhan melindungi Yusuf dan keluarganya.

## Respons

I. **Mimpi Yusuf**

Baca Matius 2:13 – 15 dan cari perkataan tersebut yang tersembunyi dalam carian Kata

| | | |
|---|---|---|
| HERODES | YUSUF | BUDAK |
| IBU | MALAIKAT | TERLEPAS |
| MESIR | TUHAN | MIMPI |
| NABI | | |

| | | | | | | | | | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| S | B | L | A | H | I | T | N | N | D | F | D | K | A |
| I | B | U | O | E | Q | U | A | Q | E | Y | O | E | R |
| G | E | A | D | A | L | H | B | G | B | G | Y | B | H |
| E | D | E | M | A | L | A | I | K | A | T | U | E | E |
| M | A | L | I | I | K | N | T | M | M | E | S | I | R |
| B | M | A | M | I | A | B | L | Y | U | B | U | L | O |
| I | A | I | P | I | Y | E | S | U | E | I | F | E | D |
| R | I | Y | I | U | G | Y | R | E | O | E | W | A | E |
| A | F | H | I | A | S | T | E | R | L | E | P | A | S |

1. Bila Herodes sedar bahawa dia tertipu oleh Ahli ilmu bintang, apa yang dilakukannya?

______________________________________________
______________________________________________
______________________________________________
______________________________________________

2. Bagaimana Tuhan melindungi Yusuf, Maria, dan bayi Yesus?

______________________________________________
______________________________________________
______________________________________________
______________________________________________

SAMPLE

II. **Tuhan Menjaga dan Melindung**

Setiap kali Yusuf dan keluarganya dalam bahaya, Tuhan menjaga dan melindungi mereka. Oleh sebab Yusuf dan Maria mengasihi Tuhan dan mentaati-Nya, Tuhan mengawasi mereka dan membimbing mereka.

Isi semula kata-kata pemazmur dalam Mazmur 91

"Kerana dia telah menumpukan __________nya
*shaki*
kepada-Ku, maka Aku akan ______________nya;
*psmkleaane*
Aku akan meletakkannya di tempat tinggi,
kerana dia mengetahui _________-Ku."
*anam*

Mazmur 91:14

## Doa

Cuba kamu beritahu Tuhan betapa kamu bersyukur kerana Dia selalu menjaga dan melindung kamu kerana kamu anak-Nya? Fikirkan beberapa perbuatan kamu yang tidak berapa taat kepada Tuhan. Kemudian minta Dia membantu kamu mentaati-Nya sepanjang minggu ini.

# Pelajaran 5

# Yohanes Pembaptis

Berdasarkan Bab 4 dalam E-Pelajar

**Kebenaran Alkitab:** Walaupun Yesus Anak Tuhan, Dia masih mematuhi kehendak Tuhan.

**Objektif:** Agar pelajar mengikut teladan Yesus mentaati segala yang Tuhan ingin mereka lakukan.

**Rujukan Alkitab:** Lukas 3; Matius 3

**Ayat Hafalan:** "Sungguhpun Dia Anak, namun Dia belajar taat melalui segala penderitaan-Nya. "
Ibrani 5:8

SAMPLE

## Belajar

**Yohanes menjalankan pembaptisan dalam Sungai Yordan. Baca Lukas 3:1 – 8 dan Matius 3:13 – 17**

Isi tempat kosong dalam penyataan-penyataan di bawah. Kemudian cari dan lukiskan garisan di atas jawapan tersebut dalam petak Carian Kata.

1. Pontius Pilatus adalah ________ Yudea dan Herodes adalah pemerintah _________ pada waktu Yohanes Pembaptis.
2. Firman Tuhan sampai kepada Yohanes, anak _____________, di padang gurun.
3. Yohanes Pembaptis mengembara merata-rata ____________ dan membaptis orang di dalam sungai ____________.
4. Dia menyuruh orang ramai supaya bertaubat dan dibaptis dan Tuhan akan _______________ mereka.
5. Yohanes menggelarkan orang Farisi dan __________ yang datang untuk dibaptis sebagai "ular".
6. Dia menyuruh __________________ cukai supaya tidak mengutip wang lebih dari yang patut.
7. Kepada ____________, Yohanes berkata mereka tidak patut memeras ugut wang.
8. Ada yang fikirkan bahawa Yohanes Pembaptis itu ____________.
9. Dia memberitahu orang ramai yang seorang yang lebih masyur lagi akan tiba dan membaptis mereka dengan Roh Kudus dan _____________.
10. Yesus tiba di Yordan dan meminta Yohanes _________________-Nya.
11. Apabila Yesus keluar dari air, dia nampak Roh Tuhan turun seperti _____________ dan menghinggapi-Nya.
12. Kemudian datanglah _____________ dari syurga menyatakan Yesuslah Anak-Nya dan Dia menyenangi-Nya.

| | | | | | | | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| G | A | B | E | N | O | R | B | U | M | B | B |
| M | P | E | G | H | M | A | A | E | E | U | E |
| E | I | E | A | A | I | T | M | A | S | R | R |
| N | I | L | M | R | L | B | K | A | I | U | K |
| G | E | B | A | U | A | I | I | U | A | N | H |
| A | A | H | P | P | N | R | L | N | S | G | U |
| M | B | Y | T | N | A | G | A | E | E | M | T |
| P | T | I | A | H | A | D | U | M | A | E | B |
| U | S | R | K | A | R | U | G | T | A | R | A |
| N | M | A | N | O | S | A | D | R | P | P | H |
| K | Z | B | Y | A | S | R | A | A | E | A | E |
| A | S | K | A | R | A | U | I | P | A | T | A |
| N | M | Y | M | I | S | A | D | U | K | I | K |


Hak Cipta terpelihara © Pristine World Sdn Bhd

## Pengajaran daripada Cerita

- Yohanes berkhutbah supaya orang ramai bertaubat serta turut dan memberitakan kedatangan Mesias.
- Yohanes mengakui bahawa Yesus yang patut membaptisnya tetapi Yesus tetap melalui pembaptisan dalam kepatuhan kepada kehendak Tuhan.

## Respons

I. Yohanes Pembaptis mempersiapkan orang ramai untuk kedatangan Yesus. Dia menyatakan bahawa mereka perlu mengambil tindakan tertentu dalam hidup agar membuktikan bahawa mereka benar-benar bertaubat, iaitu mengelakkan perkara yang tidak baik atau tidak disenangi Tuhan.

Isi semula petak-petak dan aturkan mengikut urutan betul untuk mendapat tahu apa yang diberitahu oleh Yohanes:

1. **Orang ramai**

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| GOLONGAN | YANG | MEMPUNYAI | MISKIN | SESIAPA | HENDAKLAH |
| BERKONGSI | DENGAN | MAKANAN | | | |

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| SESIAPA | | | | | |
| | | | | | |

2. **Pemungut cukai**

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| DARIPADA | MENGUTIP | LEBIH | JANGAN | DIPERLUKAN | YANG |
| JANGAN | | | | | |

3. **Askar**

| | | | |
|---|---|---|---|
| MASING-MASING | DENGAN | BERPUASLAH | GAJI |
| BERPUASLAH | | | |

SAMPLE

II. Walaupun Yesus Anak Tuhan, Dia masih patuh mengikut apa yang Dia tahu menyenangi Tuhan. Bagaimana boleh kamu meneladani Yesus dan melakukan apa yang menyenangi Tuhan?

| | **Kelakuan Saya Yang Tidak Disenangi Tuhan** | **Apa Yang Akan Saya Lakukan Untuk Menyenangi Tuhan** |
|---|---|---|
| Di Rumah | | |
| Di Sekolah | | |
| Di Gereja | | |

## Doa

Beritahu Tuhan yang kamu meminta maaf kerana melakukan perkara yang tidak disenangi-Nya dan minta bantuan-Nya untuk meneladani Yesus dan patuh. Kemudian, bersyukurlah kerana Dia menjadikan kamu Anak-Nya serta mengasihimu sama seperti Dia mengasihi Yesus.

# Pelajaran 6

# Pencubaan Yesus

Berdasarkan Bab 4 dalam E-Pelajar

**Kebenaran Alkitab:** Seperti Yesus, kita patut mengetahui Firman Tuhan dan arif menggunakannya ketika menghadapi pencubaan.

**Objektif:** Agar pelajar mengambil langkah mengetahui Firman Tuhan supaya boleh membantu mereka ketika dicuba.

**Rujukan Alkitab:** Matius 4:1 – 11

**Ayat Hafalan:** “Yesus menjawab, “Telah tersurat: ‘Manusia hidup bukan dengan roti sahaja tetapi dengan setiap firman yang keluar daripada mulut Allah.’” Matius 4:4

## Belajar

### Yesus Berlawan Dengan Iblis

Bayangkan kamu bersembunyi di belakang batu dan terdengar perbualan antara Iblis dan Yesus. Malangnya, kamu tidak dapat mendengar segala yang dijawab Yesus. Gunakan kod rahsia di bawah untuk menentukan bagaimana Yesus menjawab Iblis.

| A | B | C | D | E | F | G | H | I | J | K | L | M | N | O | P | Q | R | S | T | U | V | W | X | Y | Z |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| 19 | 13 | 9 | 11 | 2 | 20 | 1 | 17 | 23 | 6 | 8 | 4 | 26 | 10 | 21 | 24 | 15 | 25 | 16 | 22 | 14 | 3 | 18 | 7 | 12 | 5 |

**Perbualan #1** Iblis: Jika Engkau Anak Allah, perintahkanlah batu-batu ini menjadi roti. Yesus: Kitab Suci menyatakan:

A U I A I U U A E A O I

26 19 10 14 16 23 19   17 23 11 14 24   13 14 8 19 10   11 2 10 1 19 10   25 21 22 23

A A A E A I E A E I A

16 19 17 19 6 19   22 2 22 19 24 23   11 2 10 1 19 10   16 2 22 23 19 24

I A A E U A A I A A

20 23 25 26 19 10   12 19 10 1   8 2 4 14 19 25   11 19 25 23 24 19 11 19

U U A A

26 14 4 14 22   19 4 4 19 17

**Perbualan #2** Iblis: Jika Engkau Anak Allah, terjunlah. Yesus: Kitab Suci menyatakan:

A A A E A U E I A

6 19 10 1 19 10 4 19 17   2 10 1 8 19 14   26 2 10 11 14 1 19

U A A A I

22 14 17 19 10   19 4 4 19 17 26 14

## Pengajaran daripada Cerita

- Yesus sedar bahawa Dia mampu melakukan mukjizat, tetapi Dia enggan menggunakan kuasa tersebut semata-mata untuk kepentingan diri. Yesus tidak akan menduga Tuhan dan Dia juga tidak akan tunduk kepada Iblis. Dia memetik ayat Firman Tuhan daripada Perjanjian Lama dan menghalau Iblis pergi.

SAMPLE


*Hak Cipta terpelihara © Pristine World Sdn Bhd*

## Respons

I. Apa yang kamu buat ketika digoda untuk melakukan sesuatu yang kamu tahu tidak betul?

____________________________________________

Apa yang dibuat Yesus setiap kali Dia dicuba Iblis?

____________________________________________

II. Mana satukah antara ayat Alkitab berikut akan membantu kamu sekiranya kamu mengalami situasi seperti dalam contoh yang diberi dan kamu tergoda untuk melakukan perkara yang mungkin salah atau tidak baik?
Lukis garisan untuk memadankan ayat dengan situasi.

 Bila kamu marah

 Bila kamu sedih

 Bila kamu risau

 Bila kamu takut

Jangan bimbangkan apa pun. Dalam segala hal, dengan berdoa dan memohon, dengan mengucapkan kesyukuran, beritahulah hasratmu kepada Allah. Filipi 4:6

Tuhan ialah pemeliharamu – Tuhan ialah naunganmu di tangan kananmu. Mazmur 121:5

Percayalah kepada-Nya setiap waktu, hai umatku; curahkan isi hatimu di hadirat-Nya, Allah Pelindung kita. Mazmur 62:8

Apabila kamu marah, janganlah sampai melakukan dosa.” Jangan kekalkan kemarahanmu hingga matahari terbenam, dan jangan beri tempat kepada iblis. Efesus 4:26 – 27

SAMPLE

III. Setiap ayat yang dipetik oleh Yesus diambil daripada Perjanjian Lama yang merupakan Alkitab orang Yahudi pada zaman tersebut. Bagaimana agaknya Yesus menghafal ayat-ayat Perjanjian Lama itu?

____________________________________________

IV. Untuk memastikan kamu mengingat Firman Tuhan supaya ia boleh membantu kamu semasa menghadapi pencubaan atau masalah, kamu hendaklah meluangkan masa membacanya terlebih dahulu. Berikut beberapa cadangan yang boleh membantu.

Tandakan rait dalam petak di bawah bagi beberapa tindakan yang kamu hendak ambil untuk membantu diri kamu mendalami Firman Tuhan.

- ☐ Menghabiskan masa membaca Alkitab setiap hari.
- ☐ Menghadiri Kelas Minggu atau Kelas Gereja setiap minggu.
- ☐ Menghafal satu ayat Kitab Suci sekali seminggu.
- ☐ Lain-lain. ______________________

## Doa

Bersyukur kepada Tuhan kerana memberikan kita Alkitab agar kita dapat mengetahui janji-janji-Nya yang akan membantu kita ketika menghadapi pencubaan atau masalah. Minta Tuhan untuk membantu kamu supaya kamu rajin membaca Firman-Nya agar kamu tahu dan menyimpannya dalam hati.

# Pelajaran 7

# Aku Jadikan Kamu Penjala Manusia

Berdasarkan Bab 5 dalam E-Pelajar

**Kebenaran Alkitab**:
Bukan kebolehan atau bakat tetapi kesudian kita yang melayakkan kita jadi Murid-Nya.

**Objektif**: Agar pelajar sedar bahawa Tuhan mementingkan hati dan bukan kebolehan ketika mereka mengikuti Yesus.

**Rujukan Alkitab**: Lukas 5:1 – 11; 27 – 32

**Ayat Hafalan**:
"Allah tidak melihat sebagaimana manusia melihat. Manusia melihat penampilan lahiriah, tetapi Tuhan melihat hati." 1 Samuel 16:7b



SAMPLE

## Belajar

**Harian Yerusalem: Temubual eksklusif dengan Petrus dan Lewi.**

Baca Lukas 5:1 – 11, 27 – 32. Kemudian isi tempat kosong. Anda boleh gunakan perkataan dalam Kumpulan Kata sebagai bantuan.

| | | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|---|
| Jamuan | takut | terkoyak | pemungut cukai | Orang Farisi | Percayalah | banyak |
| berdosa | Ikut | perahu | pendosa | apa pun | penjala | jala |

1. **Wartawan:** Petrus, ceritakanlah apa yang terjadi pagi tersebut di Tasik Galilea.
   **Petrus:** Yesus mengajar orang ramai yang mengikutnya. Bila selesai, Dia berkata kepada saya, "Tolak ______________ keluar dan tebarkan ______________ untuk menangkap ikan."
2. **Wartawan:** Adakah anda terperanjat dengan arahannya?
   **Petrus:** Ya. Sebenarnya saya sudah memberitahu bahawa kami bekerja sepanjang malam tetapi tidak menangkap ______________. Tetapi dia menjawab, "______________ saya Simon, dan buat seperti yang saya suruh."
3. **Wartawan:** Wah, jadi apa yang berlaku?
   **Petrus:** Anda mesti tak percaya! Apabila kami tebarkan jala, kami menangkap begitu ______________ ikan sehingga jala hampir ____. Kami terpaksa memanggil rakan-rakan dari perahu lain supaya datang membantu.
4. **Wartawan:** Semestinya itu peristiwa yang amat mengagumkan.
   **Petrus:** Ya, memang. Saya sebenarnya meminta Yesus menjauhkan diri kerana saya anggap diri saya seorang yang ______________. Tetapi Yesus hanya senyum dan menyuruh saya tidak ______________. Dia menyuruh saya ikut dan dia akan jadikan saya ______________ manusia.
5. **Wartawan:** Anda pula bagaimana, Lewi? Bagaimana anda bertemu Yesus?
   **Lewi:** Suatu pagi, saya bekerja di pejabat ketika Yesus datang dan berkata, "______________ saya." Amat mengejutkan!
6. **Wartawan:** Jadi, apa yang anda lakukan?
   **Lewi:** Saya amat terharu lalu mengadakan satu ______________ besar di rumah saya dan mengundang semua rakan-rakan, terutama mereka yang menjadi ______________ seperti saya.
7. **Wartawan:** Ya, saya dengar bahawa ______________ dan ahli-ahli Taurat mengadu kerana Yesus makan bersama anda dan rakan-rakan, pemungut cukai dan pendosa.
   **Lewi:** Ya, tetapi apa yang menakjubkan adalah, Yesus menegur mereka dan menyatakan bahawa dia datang untuk menyeru ______________ bertaubat dan bukan mereka yang berasa mereka baik dengan Tuhan.

 Hak Cipta terpelihara © Pristine World Sdn Bhd

## Pengajaran daripada Cerita

- Bukan kebolehan tetapi iman dan kesudian mengikuti-Nya yang melayakkan mereka untuk panggilan Tuhan.

## Respons

I. Petrus agak memandang rendah dirinya, kan? Dia meminta Yesus menjauhinya. Anda pula bagaimana? Bagaimana kamu melihat diri sendiri?

Setiap kali saya melihat diri saya dalam cermin, saya nampak diri sebagai seseorang yang:

| | | |
|---|---|---|
| ○ Pintar | ○ Cantik/Tampan | ○ Hodoh |
| ○ Bodoh | ○ Disukai | ○ Sunyi |
| ○ Cergas & Tangkas | ○ Berbakat | ○ Tidak berguna |
| ○ Membosankan | ○ Pemalu | ________________ |

Untuk Lewi pula, sebaliknya. Orang lain memandang rendah terhadapnya kerana pekerjaannya. Bagaimana agaknya orang lain memandang kamu?

| | | | |
|---|---|---|---|
| _____ Pintar | _____ Tidak berguna | _____ Berbakat | _____ Bodoh |
| _____ Menjengkelkan | _____ Sombong | _____ Mulut murai | _____ Disukai |
| _____ Membosankan | _____ Baik | _____ Pemalas | _____ _____ |

II. Walaupun Petrus memandang rendah dirinya, dan orang lain memandang rendah Lewi, pandangan Yesus berbeza.

Apa yang dikatakan Yesus kepada Petrus bila Petrus memintanya menjauhkan diri dari pendosa?

______________________________________________

Apa yang dikatakan Yesus kepada Lewi apabila Orang Farisi dan ahli-ahli Taurat mengutuk dia dan rakan-rakannya dengan mengatakan bahawa mereka tidak layak menjadi murid Yesus?

______________________________________________

III. Ingat, Yesus tidak memandang kamu sebagaimana kamu melihat diri sendiri atau orang lain memandang kamu. Tidak kira sama ada kamu nelayan biasa, atau orang yang tidak disukai seperti Lewi. Yesus mengasihimu dan mengalu-alukan kamu untuk mengikuti-Nya tanpa perlu menukar diri. Apa yang penting bagi Yesus adalah:

* hati kamu benar
* kamu percaya Dialah Anak Tuhan yang mati berkorban untuk dosamu.
* kamu ingin mengikuti-Nya.

1 Samuel 16:7b. Tulis ayat tersebut.

______________________________________________

______________________________________________

## Doa

Beritahu Yesus yang kamu bersyukur kerana Dia mengasihimu dan ingin kamu mengikuti-Nya tanpa mengira betapa baik atau buruk. Minta Yesus bantu kamu belajar mengasihi-Nya dan taat mengikuti-Nya.

SAMPLE

# Pelajaran 8

# Panggilan 12 Murid

Berdasarkan Bab 5 dalam E-Pelajar

**Kebenaran Alkitab:**
Kita perlu berdoa jikalau ingin menentukan kehendak Tuhan bagi hidup kita.

**Objektif:**
Agar pelajar menjadikan doa satu keutamaan dalam hidup.

**Rujukan Alkitab:**
Yohanes 1:43 – 51; Lukas 6:12 – 16

**Ayat Hafalan:**
"Jangan bimbangkan apa pun. Dalam segala hal, dengan berdoa dan memohon, dengan mengucapkan kesyukuran, beritahulah hasratmu kepada Allah. Dan sejahtera Allah yang melebihi pengertian manusia akan memelihara hati dan fikiranmu dalam Kristus Yesus." Filipi 4:6 – 7



SAMPLE

## Belajar

### Malam Yang Berlarutan Bagi Yesus

1. Yesus pergi berdoa di mana?
   ______________________________

2. Berapa lamakah Yesus berdoa?
   ______________________________

3. Apakah yang didoakan Yesus?
   ______________________________

4. Mengapa agaknya Yesus menghabiskan masa lama mendoakan perkara ini?
   ______________________________

5. Berikut adalah nama 12 murid yang dipilih Yesus, tetapi nama mereka telah dicampuradukkan.

Isi semula 'Rujuk Lukas 6:12-16' huruf-huruf untuk mengenal pasti siapa mereka.

| | |
|---|---|
| MSONI EPSRUT ____________ | IMTUAS ____________ |
| RNADEAS ____________ | AMTSO ____________ |
| OAKUBYS ____________ | SABKOYU (anak Alfeus) ____________ |
| SYOAENH ____________ | SMINO (yang disebut si Patriot)____________ |
| LIFIPSU ____________ | DUSYA ____________ |
| MRTOULEABSO ____________ | UYADS ITSIKROA ____________ |


*Hak Cipta terpelihara © Pristine World Sdn Bhd*

## Pengajaran daripada Cerita

- Yesus berdoa sebelum memilih 12 murid-Nya. Mereka akan belajar daripada-Nya dan kemudian menjadi wakil utama-Nya dalam mendirikan gereja-Nya.

## Respons

### I. Kehidupan Doa Anda

1. Saya berdoa kepada Tuhan
   a. setiap hari.
   b. kadang kala.
   c. hanya jika saya memerlukan bantuan.
   d. ________________

2. Doa itu
   a. senang kerana saya gemar berbual dengan Tuhan.
   b. sukar kerana saya tidak tahu apa yang patut dikatakan.
   c. membosankan kerana saya asyik mengulang perkara yang sama.
   d. ________________

3. Apabila saya berdoa
   a. saya tahu Tuhan mendengar kerana Dia mengasihiku.
   b. saya tidak pasti sama ada saya bercakap kepada diri saya sendiri.
   c. saya tidak tahu sama ada Tuhan mengambil berat segala hal remeh saya.
   d. ________________

4. Perkara pertama yang saya buat apabila menghadapi masalah atau apabila saya tidak pasti apa yang perlu dilakukan adalah
   a. berbincang dengan Tuhan.
   b. berbincang dengan ibubapa.
   c. berbincang dengan kawan.
   d. ________________

SAMPLE

---

### II. Kehidupan Doa Yesus

Memilih 12 murid-Nya merupakan tugas yang amat penting bagi Yesus kerana merekalah yang akan meneruskan pekerjaan Tuhan selepas Dia kembali ke syurga. Jadi Yesus betul-betul menghabiskan masa berbincang dengan Tuhan mengenainya supaya Tuhan boleh tunjukkan orang yang patut dipilih.

Adakah doa penting bagimu? Apa yang telah anda dapat tahu dari kuiz tentang kehidupan doa kamu tadi? Lukiskan senyuman ☺ di tepi jawapan anda.

| |
|---|
| Saya gemar berdoa dan selalu beharap pada Tuhan. |
| Saya ada berdoa tetapi tidak selalu berharap pada Tuhan. |
| Saya jarang berdoa dan tidak bergantung sangat kepada Tuhan untuk menunjukkan jalan-Nya. |

### III. Surat Saya Kepada Tuhan

Cuba tulis sepucuk surat kepada Tuhan memberitahu Dia apakah perasaan anda ketika berdoa pada-Nya. Ketahuilah bahawa Tuhan faham segala kesusahanmu dan mintalah agar diberi hati yang suka mendekatkan diri kepada-Nya melalui berdoa.

Jikalau berdoa itu bukan masalah bagimu, bersyukurlah dan minta Tuhan teruskan membantu kamu menjadikan berdoa itu satu keutamaan dalam hidup kamu.

Ya Tuhan,

# Pelajaran 9

# Kuasa Menyembuhkan dan Mengampun Dosa

Berdasarkan Bab 6 dalam E-Pelajar

**Kebenaran Alkitab:**
Yesus amat mengasihi mereka yang menderita dan yang tersisih.

**Objektif:**
Agar pelajar berusaha menunjukkan belas kasihan kepada mereka yang tersisih.

**Rujukan Alkitab:**
Matius 4:23 – 25; Lukas 5:12 – 16

**Ayat Hafalan:**
"Sebagai orang pilihan Allah yang suci dan amat dikasihi-Nya kamu haruslah bersifat belas kasih, baik budi, rendah hati, lemah lembut dan sabar."
Kolose 3:12



SAMPLE

## Belajar

____________________
____________________
____________________

* Lihatlah orang dalam senarai Orang Yang Ingin Saya Elakkan. Pilih satu nama dan fikir satu cara kamu boleh menjadi jiran yang baik kepadanya. Tuliskan di bawah dan pastikan kamu lakukan dalam minggu ini.



| Nama | Bagaimana saya menjadi jiran |
|---|---|
| ____________________ | ____________________ |

SAMPLE

## Doa

Minta Tuhan supaya diberi hati yang lebih dipenuhi belas kasihan untuk mereka yang berbeza daripada kamu. Berdoalah bagi dirimu agar Tuhan membantu kamu menjadi sesama manusia kepada mereka yang kamu tuliskan nama tadi.


*Hak Cipta terpelihara © Pristine World Sdn Bhd*

# Pelajaran 19

# Kepentingan Menjadi Rendah Hati

Berdasarkan Bab 13 dalam E-Pelajar

**Kebenaran Alkitab:**
Yesus memanggil kita supaya menjadi rendah hati kerana hanya mereka yang rendah hati yang mampu menyentuh hati Tuhan.

**Objektif:**
Agar pelajar meminta Tuhan membantu mereka menjadi rendah hati.

**Rujukan Alkitab:**
Lukas 18:9-14;
Matius 18:1-6

**Ayat Hafalan:**
"Sesiapa yang meninggikan diri akan direndahkan, dan sesiapa yang merendahkan diri akan ditinggikan." Lukas 18:!4



SAMPLE

## Belajar

**A. Orang Farisi dan Pemungut Cukai**

Baca Lukas 18:9-14

Laluan mana yang patut Orang Farisi dan pemungut cukai ambil supaya tiba di Bait Tuhan? Lakarkan laluan mereka ke Bait Suci.




*Hak Cipta terpelihara © Pristine World Sdn Bhd*

1. Apakah pandangan Orang Farisi dan pemungut cukai terhadap diri mereka sendiri? Pilih gambaran yang betul dan tuliskan dalam gelembung ucapan.

**Orang Farisi** **Pemungut Cukai**

*Jujur* *Tidak tamak* *Berdosa* *Bukan penzina* *Setia mentaati Tuhan*

*Memerlukan belas kasihan Tuhan* *Lebih bagus daripada orang lain*

2. Apakah pandangan Yesus terhadap mereka?

3. Kepada siapakah Yesus memberitahu ibarat itu?

4. Apakah tujuan ibarat itu?

**B. Kata-kata Yesus**
Baca Matius 18:1-6

Lengkapkan kata-kata Yesus dengan melukiskan garisan untuk memadankan kedua belah ayat yang betul.

| | |
|---|---|
| *Melainkan kamu menjadi seperti kanak-kanak kecil* | *lebih baiklah baginya jika batu kisar diikatkan ke lehernya dan dia ditenggelamkan ke dalam laut yang dalam* |
| *Orang yang dianggap terbesar dalam kerajaan syurga* | *menyambut-Ku* |
| *Sesiapa yang menyambut seorang kanak-kanak seperti ini kerana nama-Ku* | *kamu tidak akan masuk ke dalam Kerajaan Syurga* |
| *Sesiapa yang menyebabkan seorang daripada kanak-kanak kecil yang percaya kepada-Ku ini berdosa* | *ialah yang merendah diri dan bersikap seperti kanak-kanak* |

SAMPLE

## Pengajaran daripada Cerita

1. Lukas 18:14 "... sesiapa yang meninggikan diri akan direndahkan, dan sesiapa yang merendahkan diri akan ditinggikan".
2. Yesus menjadikan budak kecil sebagai contoh untuk menunjukkan kepada murid-Nya bahawa Kerajaan Tuhan menghormati mereka yang merendahkan diri serta bersih hati dan percaya seperti anak-anak kecil.

 *Hak Cipta terpelihara © Pristine World Sdn Bhd*

# Respons

**A. Menggambarkan Diri Saya**

1. Bagaimanakah kamu menggambarkan diri? Tulis nama kamu secara menegak dan untuk setiap huruf nama kamu, pilih satu kata sifat untuk menggambarkan diri kamu. Satu Contoh diberikan untuk membantu kamu.

Tabita:

T - taat
A - asli
B - baik
I - istimewa
T - tenang
A - adil

Nama kamu: ______________________________

---

**B. Periksa Sikap**

1. Bubuh tanda rait dalam petak di bawah yang paling baik menggambarkan kamu.

- ☐ Saya selalu hendak menjadi lebih bagus daripada orang lain
- ☐ Saya tidak kisah jika orang lain lebih bagus daripada saya
- ☐ Saya berasa saya lebih bagus daripada orang lain
- ☐ Saya berasa bahawa kebanyakan orang lain lebih bagus daripada saya
- ☐ Saya marah apabila kawan-kawan saya tidak mahu ikut cakap saya
- ☐ Saya tidak mahu sangat orang lain ikut cakap saya
- ☐ Saya gemar buat ikut suka hati saya
- ☐ Saya tidak kisah orang lain memberitahu saya apa yang perlu dibuat

2. Menjadi rendah hati bererti kamu terlalu memandang tinggi sangat diri sendiri sehingga memandang rendah orang lain. Ia juga bererti kamu boleh ditunjuk ajar dan rela belajar daripada orang lain serta tidak selalu berkeras hendak ikut cara kamu.

Apakah yang kamu dapat tahu tentang diri kamu? Adakah kamu fikir kamu seorang yang rendah hati? Bulatkan jawapan

❍ Ya / ❍ Tidak

3. Jikalau kamu mempunyai lebih banyak tanda rait pada sebelah kiri halaman, kamu perlu meminta Tuhan membantu kamu belajar menjadi lebih rendah hati. Ingat bahawa Yesus berkata pemungut cukai yang rendah hati yang benar pada pandangan Tuhan dan menyentuh hati-Nya.

# Ayat hafalan:

**Lengkapkan ayat berikut:**

Sesiapa yang _____________ diri akan _____________, dan sesiapa yang ___________ diri akan ______________.
Lukas 18:14

# Doa

Ya Tuhan, terima kasih kerana mengajar saya bahawa Engkau mengasihi mereka yang rendah hati. Bantulah saya menjadi rendah hati dan tidak terlalu memandang tinggi akan diri sendiri. Dalam nama Yesus, Amin.

SAMPLE

# Pelajaran 20

# Ibarat tentang Yang Hilang dan Yang Dijumpai

Berdasarkan Bab 14 dalam E-Pelajar

**Kebenaran Alkitab:**
Tuhan sama seperti bapa kepada anak boros yang begitu mengasihi kita dan mengalu-alukan dengan amat sukacita kepulangan kita kepada-Nya.

**Objektif:**
Agar pelajar akan memuji Tuhan dan bersyukur kerana Dia bersukacita apabila mereka kembali pada-Nya.

**Rujukan Alkitab:**
Lukas 15:1-31

**Ayat Hafalan:**
"Aku berkata kepadamu bahawa malaikat-malaikat Allah bergembira kerana seorang yang berdosa bertaubat." Lukas 15:10



SAMPLE

## Belajar

**Dua ibarat**

Baca Lukas 15:1-7, 11-31

Isi tempat kosong di bawah dengan perkataan yang betul. Seterusnya carikan perkataan tersebut dalam Carian Kata untuk mengesahkan bahawa jawapan kamu betul.

| |
|---|
| **Orang Farisi** |
| **seratus** |
| **hilang** |
| **meraikan** |
| **segala** |
| **sulung** |
| **lembu** |
| **pakaian** |
| **babi** |
| **Tuhan** |
| **syurga** |
| **berdosa** |
| **bapa** |
| **bongsu** |

1. Yesus menceritakan ibarat-ibarat kepada kumpulan pemungut cukai dan ______________.

2. Dalam ibarat pertama, Yesus berkata bahawa jika mereka mempunyai __________ domba, dan seekor __________, mereka akan pergi mencarinya. Jikalau dijumpai, mereka akan begitu bersukacita lalu memanggil semua orang __________ bersama.

3. Kegembiraan di __________ kerana seorang yang __________ bertaubat lebih daripada kegembiraan ke atas sembilan puluh sembilan orang yang benar yang tidak perlu bertaubat.

4. Ibarat kedua tentang seorang __________ kaya yang mempunyai dua anak. Anak _______________ meminta bahagian hartanya dan seterusnya meninggalkan rumah.

5. Apabila keadaan menjadi buruk, anak tersebut mendapat kerja menjaga __________. Akhirnya dia menyedari kesilapannya dan bahawa dia berdosa terhadap _________ dan bapanya.

 *Hak Cipta terpelihara © Pristine World Sdn Bhd*

6. Apabila anak itu balik ke rumah, bapanya begitu gembira lalu mengarahkan hamba-hamba membawa keluar _________ terbaik untuk anaknya dan menyembelih _________ tambun untuk meraikan.

7. Anak ________ dengki dan marah tetapi ayahnya berkata, “Kamu ini sentiasa ber sama saya, dan _________ milik saya ialah milikmu.”

**Carian Kata**

| | | | | | | | | | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| O | R | A | N | G | F | A | R | I | S | I | S | V | B |
| G | U | N | E | N | V | T | W | Y | U | B | E | I | E |
| J | T | A | B | W | T | J | U | P | L | I | R | N | R |
| X | Q | K | A | T | E | R | A | T | U | H | A | N | D |
| H | I | L | A | N | G | I | I | U | N | P | T | T | O |
| C | U | E | J | A | B | J | V | H | G | E | U | I | S |
| Z | F | M | E | R | A | I | K | A | N | N | S | P | A |
| M | K | B | T | N | B | O | N | G | S | U | O | P | G |
| O | V | U | A | T | I | X | C | M | H | R | U | S | W |
| B | N | E | E | P | A | K | A | I | A | N | F | I | U |
| S | E | G | A | L | A | V | T | U | S | A | H | J | E |

## Pengajaran daripada Cerita

1. Tuhan bersukacita kerana seorang yang bertaubat tidak kira betapa berdosanya dia berbanding seorang lagi yang berfikir dirinya cukup salih dan tidak perlu bertaubat.
2. Kita seperti anak sesat yang perlu bertaubat. Tuhan seperti bapa pengasih yang menghulur tangan kepada anaknya yang hilang.
3. Cerita ini turut mengingatkan kita supaya tidak menjadi seperti abang yang angkuh.

# Respons

**A. Domba Yang Hilang**

1. Apakah sikap Orang Farisi terhadap orang seperti pemungut cukai?

_______________________________________________

_______________________________________________

2. Siapakah domba hilang yang disebutkan Yesus?

_______________________________________________

_______________________________________________

3. Apakah yang ingin Yesus katakan kepada Orang Farisi melalui Ibarat Domba Yang Hilang?

_______________________________________________

_______________________________________________

4. Siapakah mereka yang disenangi Tuhan?

_______________________________________________

_______________________________________________

**B. Anak Yang Sesat**

1. Jika kamu mempunyai anak yang menuntut harta pusaka yang kamu simpankan untuk dia dan membazirkan segala-galanya dan sekarang kembali kepada kamu, apa akan kamu buat?

- [ ] Marah dia dan campak dia keluar rumah.
- [ ] Beritahu dia bahawa dia bukan anak saya lagi dan enggan berjumpa dengannya.
- [ ] Suruh dia sujud untuk memohon pengampunan.
- [ ] Beritahu dia bahawa dia perlu bekerja untuk membayar semula semua wang yang diambil daripada saya.

SAMPLE

☐ Mengalu-alukan dia kembali dan mengadakan jamuan baginya.

☐ ______________________________ (tulis respons sendiri)

2. Apakah reaksi anak sulung?

☐ Marah
☐ Tidak peduli langsung
☐ Dengki
☐ Bersukacita demi adiknya
☐ ____________________

Mengapakah dia berasa demikian?

______________________________

______________________________

Jikalau kamu anak sulung, adakah kamu juga berasa demikian? Berikan sebab kamu.

______________________________

______________________________

3. Kebanyakan kita barangkali berasa seperti abang dan tidak faham tindakan bapa. Kita tentu ingin adik sedar akan kesalahan yang dilakukannya dan mahu dia membayar balik melalui apa cara pun wang yang dia bazirkan tanpa berfikir banyak.

   Tetapi bapa tersebut bersikap sebaliknya. Dia mengalu-alukan kembali anaknya dan meraikan kepulangan dia. Apakah yang ditunjukkan oleh hal ini tentang sikap bapa itu.

______________________________

______________________________

## Puji Tuhan

Yesus menggunakan cerita ini untuk mengajar orang Farisi dan ahli Taurat bahawa Tuhan bukan seperti mereka. Tuhan sama seperti bapa dalam ibarat yang memandang hati kamu dan bersukacita apabila kamu menyesali tindakan yang salah dan kembali kepada-Nya, tidak kira betapa jahat sikap kamu menurut kamu sendiri.



*Jadi ingat...Tuhan tidak akan berasa tidak senang dan memarahi kamu setiap kali kamu menghampiri-Nya dan meminta ampun. Dia bersukacita dan amat gembira kerana kamu telah pulang. Dia mengasihi kamu!*

Bolehkah kamu menulis nota/sajak/lagu yang pendek untuk memuji dan bersyukur kepada Tuhan kerana begitu mengasihi kamu sehingga Dia bersukacita apabila kamu kembali kepada-Nya?

Pujian Saya Kepada Tuhan

SAMPLE

 *Hak Cipta terpelihara © Pristine World Sdn Bhd*

# Yesus Dan Lazarus

Berdasarkan Bab 15 dalam E-Pelajar

**Kebenaran Alkitab:**
Sesiapa yang mempercayai Yesus akan dibangkitkan semula apabila Yesus kembali dan akan hidup bersama-Nya buat selama-lamanya.

**Objektif:**
Agar pelajar belajar yakin bahawa Tuhan membangkitkan mereka apabila Yesus kembali dan mereka hidup bersama-Nya buat selama-lamanya.

**Rujukan Alkitab:**
Yohanes 11:1-57



**Ayat Hafalan:**
Yesus berkata kepada Marta, "Akulah kebangkitan dan hidup. Sesiapa yang percaya kepada-Ku akan hidup, meskipun dia sudah mati." Yohanes 11:25

SAMPLE

## Belajar

**Yesus Membangkitkan Semula Lazarus**
Baca Yohanes 11:1-45

Lengkapkan kunci Silang Kata dengan mengisi tempat kosong dengan kata-kata yang betul. Seterusnya, gunakan kata-kata tersebut untuk melengkapkan Silang Kata tersebut.



**Lazarus**
**kafan**
**Betania**
**Mesias**
**percaya**
**sahabat**
**mati**
**hidup**
**Kebangkitan**
**menangis**
**kemuliaan**
**meninggal**

1. Terdapat seorang lelaki bernama __________ (5 ke bawah) dari kampung __________ (1 melintang) yang mempunyai dua saudara perempuan dan mereka __________ (5 melintang) Yesus.

2. Suatu hari, Lazarus jatuh sakit dan __________ (6 melintang). Apabila Yesus tiba di kampungnya, Lazarus sudah empat hari __________ (4 melintang).

3. Yesus memberitahu Marta bahawa Lazarus akan __________ (3 ke bawah) kembali. Dia berkata bahawa Dialah __________ (1 ke bawah) dan hidup. Mereka yang mempercayai-Nya tidak akan mati.

4. Marta berkata kepada Yesus bahawa dia percaya Yesus adalah __________ (4 ke bawah), Anak Tuhan.

5. Apabila Yesus nampak Maria menangis, Dia terharu dan Dia juga __________ (7 melintang).

6. Di makam tersebut, Yesus memberitahu orang ramai bahawa jika mereka beriman, mereka akan menyaksikan __________ (2 melintang) Tuhan.

7. Apabila Yesus memanggil Lazarus keluar, Lazarus berjalan keluar masih berbalut kain __________ (2 ke bawah)nya.

8. Ramai menyaksikan mukjizat tersebut dan __________ (3 melintang) Yesus.

## Pengajaran daripada Cerita

1. Yesus membangkitkan Lazarus. Dia berbuat demikian untuk membuktikan kepada para murid-Nya dan orang ramai bahawa Dialah Anak Tuhan. Dia menjelaskan kepada Marta supaya tidak perlu takut pada kematian tubuh, hanya percaya dan sedar bahawa Yesus mempunyai kuasa untuk memberi hidup selepas kematian.
2. Cerita ini turut menunjukkan sifat kemanusiaan Yesus. Walaupun Yesus tahu bahawa Dia boleh membangkitkan Lazarus, Yesus turut menangis apabila Dia melihat kehibaan dan kesedihan sahabat-sahabat-Nya.

## Respons

1. Bagaimanakah perasaan saudara perempuan Lazarus dan kawan-kawan apabila dia meninggal?

______________________________
______________________________
______________________________

2. Pernahkah kamu menghadiri pengebumian atau ada seseorang yang rapat kepada kamu meninggal? Bagaimana perasaan kamu?

______________________________
______________________________
______________________________

SAMPLE

 *Hak Cipta terpelihara © Pristine World Sdn Bhd*

3. Ramai orang takutkan kematian kerana mereka tidak tahu apa yang akan berlaku kepada mereka selepas mati. Apa jaminan yang diberi Yesus kepada Marta tentang saudara lelakinya?

4. Apakah yang dilakukan Yesus untuk menunjukkan bahawa apa yang dikatakan-Nya itu benar?

5. Berikut adalah janji Yesus kepada mereka yang mempercayai-Nya. Isi jubin-jubin untuk mendedahkan apa yang dikatakan Yesus dan tuliskan jawapan dalam kotak di bawah. Beberapa jubin telah diatur untuk kamu.

[ca] [ke] [ng] [hi] [Se] [ada]

[an] [ya] [lah] [da] [sia] [ng]

[kep] [an] [dup] [kip] [dah] [ma]

[Aku][ ]   [ ][ba][ ][kit][ ]   [ ][ ][n]   [ ][dup] .

[ ][ ][pa]   [ya][ ]   [per][ ][ ]   [ ][ ][-][Ku]

[ak][ ]   [hi][ ][,]   [mes][ ][un]   [dia]   [su][ ]

[ ][ti][.] Yohanes 11:25

*Janji Yesus kepada kamu adalah bahawa walaupun kamu mati sekarang, ia hanya kematian tubuh. Apabila Dia kembali, Dia akan membangkitkan kamu semula bersama umat lain yang mempercayai-Nya dan kamu semua hidup bersamanya buat selama-lamanya.*

## Doa

Bersyukur kepada Yesus kerana janji-Nya untuk membangkitkan semula mereka yang mempercayai-Nya. Beritahu Dia bahawa kamu mempercayai-Nya dan minta Dia membantu kamu meyakini bahawa apa yang dikata-Nya benar dan membantu kamu tidak takutkan kematian.

SAMPLE

# Pelajaran 22

# Yesus Dan Zakheus

Berdasarkan Bab 16 dalam E-Pelajar

**Kebenaran Alkitab:**
Apabila kita betul-betul menyesali kesalahan yang telah kita buat, tingkah laku kita akan menunjukkan bahawa kita sudah insaf.

**Objektif:**
Agar pelajar menunjukkan melalui tingkah laku yang mereka insaf akan kesalahan-kesalahan yang telah mereka lakukan.

**Rujukan Alkitab:**
Lukas 18:35-43; 19:1-10

**Ayat Hafalan:**
"Orang yang baik membuahkan hal-hal baik daripada khazanah simpanannya kerana hatinya penuh kebaikan. Orang yang jahat membuahkan hal-hal jahat kerana hatinya penuh kejahatan." Matius 12:35



## Belajar

Baca Lukas 19:1-10

SAMPLE

**A. Yesus Masuk Ke Yerikho**
Adegan Yesus dan para murid-Nya memasuki Yerikho dilukiskan untuk kamu. Isikan apa yang dikatakan oleh orang ramai, Yesus, dan Zakheus dalam gelembung ucapan.



**B. Yesus Makan Bersama Zakheus**
Isikan apa yang dikatakan Yesus dan Zakheus di majlis makan yang diadakan Zakheus untuk Yesus dan kawan-kawannya.



## Pengajaran daripada Cerita

1. Lelaki buta mempunyai iman dan keberanian untuk memohon belas kasihan Tuhan.
2. Seorang ketua pemungut cukai menunjukkan pertaubatannya dan menerima pengampunan daripada Yesus.
3. Bukan mereka yang angkuh dan menganggap dirinya salih seperti Orang Farisi yang berada pada jalan benar ke syurga, tetapi mereka yang bertaubat dan meminta pengampunan Tuhan yang menerima penyelamatan.


*Hak Cipta terpelihara © Pristine World Sdn Bhd*

## Respons

1. Apakah yang dilakukan oleh Zakheus apabila dia tidak melihat Yesus?

   Apa yang kamu pelajari tentang Zakheus daripada peristiwa ini?

2. Bagaimana agaknya perasaan Zakheus apabila Yesus mengambil masa bercakap dengannya dan menerima jemputannya untuk makan malam bersama?

   Bagaimana perasaan kamu jikalau kamu Zakheus?

3. Oleh kerana Zakheus mendapati bahawa Yesus mengasihi dan menerimanya walaupun dia telah melakukan perkara yang salah, apakah perkara yang ingin dilakukannya?

4. Bagaimanakah Yesus membalas Zakheus?

## Menukar Cara "Lama" Saya

Apabila Zakheus sedar betapa Yesus mengasihinya, dia insaf dan meminta ampun. Seterusnya dia membuat keputusan untuk menukar cara lamanya, untuk membantu golongan miskin dan membayar balik segala yang ditipunya. Apabila kita betul-betul menyesali perbuatan salah, kita perlu mengambil tindakan berubah dan membuat apa yang kita tahu disenangi Tuhan.

Fikirkan beberapa "cara lama" kamu yang tidak benar pada pandangan Tuhan. Seterusnya tuliskan perubahan yang boleh kamu buat.

| Cara Lama Saya | Bagaimana Saya Boleh Berubah |
|---|---|
| | |
| | |
| | |
| | |
| | |

## Doa

Bersyukur kepada Yesus kerana begitu mengasihi kamu sehingga Dia menerima kamu dengan segala kesalahan dan kesilapan sekali. Minta Dia memberi kamu keinginan dan azam untuk melakukan perubahan dalam hidup yang kamu senaraikan di atas agar kamu menjadi lebih seperti Yesus.

SAMPLE

# Pelajaran 23

# Yesus Masuk Ke Yerusalem

Berdasarkan Bab 17 dalam E-Pelajar

**Kebenaran Alkitab:**
Yesus Raja segala Raja yang datang ke bumi untuk memerintah sebagai raja dalam hidup kita, bukan sebagai raja duniawi.

**Objektif:**
Benarkan Yesus bertakhta dalam hidup kamu.

**Rujukan Alkitab:**
Matius 21:1-11;
Markus 11:15-19

**Ayat Hafalan:**
"Pada jubah dan paha-Nya tertulis nama: "Raja Segala Raja, Tuan Segala Tuan""
Wahyu 19:16



## Belajar

Baca Matius 21:1-11 dan Markus 11:15-19 untuk mendapat tahu apa yang berlaku apabila Yesus masuk ke Yerusalem. Sekarang jawab soalan berikut dengan membulatkan jawapan betul.

1. Yesus masuk ke Yerusalam pada musim Paskah. Benar/Palsu
2. Ramai orang telah mendengar berita Yesus membangkitkan Lazarus dan tidak sabar bertemu dengan Yesus. Benar/Palsu
3. Apabila mereka tiba di Betania, Yesus menghantar dua orang murid ke Yerusalem untuk mendapatkan seekor keldai dan anaknya. Benar/Palsu
4. Yesus masuk ke Yerusalem dengan menunggang keldai dan anaknya seperti yang dinubuatkan oleh salah seorang nabi dahulu. Benar/Palsu
5. Kerumunan besar orang melambai-lambai jubah serta dahan pokok ketika Yesus lalu. Benar/Palsu
6. Orang ramai menjerit, "Diberkati Anak Daud. Tuhan berkati Dia yang datang dengan nama Daud!" Benar/Palsu
7. Apabila Yesus masuk ke Bait Suci, Dia mula menghalau mereka yang menjual dan membeli. Benar/Palsu
8. Dia mengajar orang ramai tentang hal yang tertulis dalam Kitab Suci bahawa Bait Suci dikenali sebagai rumah doa untuk orang Yerusalem. Benar/Palsu
9. Yesus marah kerana orang ramai menjadikan Bait Tuhan sarang pencuri. Benar/Palsu
10. Apabila ketua imam dan ahli Taurat mendapat tahu apa yang dilakukan Yesus, mereka berkomplot membunuh-Nya. Benar/Palsu

### Pengajaran daripada Cerita

1. Ketika Yesus masuk ke Yerusalem, ramai orang menunggu untuk mengalu-alukan-Nya sebagai raja. Tetapi rancangan Yesus bukan untuk menubuhkan kerajaan di bumi. Pekerjaan misi-Nya bukan untuk membebaskan orang Yahudi daripada perhambaan orang Roma tetapi daripada belenggu kejahatan dan dosa.
2. Yesus membersihkan Bait Suci dengan menghalau penjual-penjual jahat dari halamannya.

SAMPLE

 Hak Cipta terpelihara © Pristine World Sdn Bhd

# Respons

**A. Yesus Raja**
Pilih gambar yang padan dengan cerita di bawah dan tuliskan nombornya di atas kotak tersebut. Seterusnya tuliskan dalam kotak itu sendiri kata-kata yang paling baik menggambarkan gambar tersebut.

Apabila Yesus masuk ke Yerusalem, [# ____ | __________] ingat bahawa Dia datang sebagai [# ____ | __________] untuk meyelamatkan bangsa Israel daripada [# ____ | __________]. Tetapi rancangan Tuhan untuk Yesus adalah untuk menyelamatkan umat-Nya daripada dosa melalui [# ____ | __________].

Dia ingin bertakhta bukan sebagai raja duniawi tetapi sebagai raja di dalam [# ____ | __________] mereka.

1 
2 
3 
4 
5 

**B. Membenarkan Yesus Bertakhta**
Yesus ingin bertakhta dalam hidup kamu jikalau kamu benarkan kerana Dia telah mencipta kamu dan tahu apa yang terbaik untuk kamu. Membenarkan Yesus bertakhta dalam hidup kamu bererti kamu membenarkan Dia menjadi orang yang terpenting dalam hidup kamu. Bukan lagi "saya" dahulu tetapi Yesus dahulu.

Apakah yang kamu anggap lebih penting daripada Yesus? Tuliskan di bawah.

**Apa Yang Mengambil Tempat Yesus Dalam Hati Saya**

**Ya Bapaku,**

Cuba kamu tuliskan nota pendek memberitahu Tuhan bahawa kamu menyesal tidak menjadikan Yesus raja di dalam hati. Minta Dia bantu kamu selalu ingat bahawa Yesus mestilah selalu didahulukan kerana Dia mengasihi kamu dan tahu apa yang paling baik untuk kamu.

# Doa
Ya Tuhan Yesus, Penyelamatku, Raja serta Sahabat, biarlah saya lebih mengenali Engkau, lebih mengasihi Engkau, lebih mengikuti Engkau . Amin.
(Doa St. Richard daripada Chichester)

SAMPLE

# Pelajaran 24

## Yesus Dan Nikodemus

Berdasarkan Bab 17 dalam E-Pelajar

**Kebenaran Alkitab**: Tuhan tidak mengutus Yesus ke bumi untuk menghakimi kita, tetapi Dia mengutus Yesus untuk menyelamatkan kita daripada dosa kerana Dia mengasihi kita.

**Objektif**: Agar pelajar bersyukur kepada Tuhan kerana Dia begitu mengasihi mereka sehingga mengutus Yesus ke dunia untuk menyelamatkan mereka daripada dosa.

**Rujukan Alkitab**:
Yohanes 3:1-21

**Ayat Hafalan**:
"Allah begitu mengasihi dunia sehingga menganugerahkan Anak-Nya yang tunggal supaya setiap orang yang percaya kepada-Nya tidak binasa melainkan mendapat hidup kekal." Yohanes 3:16



SAMPLE

## Belajar

Baca Yohanes 3:1-21. Seterusnya jawab soalan di bawah dengan menandakan kotak yang betul.

1. Nikodemus berkata kepada Yesus bahawa dia percaya Yesus adalah
   - ☐ guru yang diutus Tuhan.
   - ☐ guru daripada planet lain.
   - ☐ nabi daripada Nazeret.
   - ☐ Raja Yahudi.

2. Yesus berkata kepada Nikodemus bahawa untuk memasuki kerajaan Tuhan, dia harus
   - ☐ dibaptis.
   - ☐ dilahirkan semula secara Rohani.
   - ☐ mengasihi Tuhan.
   - ☐ memasuki semula rahim ibunya.

3. Yesus berkata bahawa Dia diutus Tuhan ke bumi untuk mengurniakan kehidupan kekal kepada sesiapa yang mempercayai-Nya kerana
   - ☐ Tuhan tiada orang lain untuk diutus.
   - ☐ Tuhan mengasihani manusia.
   - ☐ dunia memerlukan penyelamat.
   - ☐ Tuhan mengasihi manusia.

4. Tuhan tidak menghantar Yesus ke dunia untuk
   - ☐ memerintah tetapi untuk menyelamatkannya.
   - ☐ menghakiminya tetapi untuk menyelamatkannya.
   - ☐ menyelamatkannya tetapi untuk menghakiminya.
   - ☐ menyelamatkannya tetapi untuk memerintah.

5. Yesus berkata bahawa manusia lebih menyukai kegelapan daripada cahaya kerana
   - ☐ perbuatan mereka durjana.
   - ☐ mata mereka sakit apabila disinari cahaya.
   - ☐ cahaya terlalu cerah bagi mereka.
   - ☐ mereka melakukan perkara baik.


*Hak Cipta terpelihara © Pristine World Sdn Bhd*

## Pengajaran daripada Cerita

Dalam pertemuan-Nya dengan Nikodemus, Yesus menerangkan tujuan sebenar mengapa Dia datang ke dunia ini. Hal ini ditulis dalam Yohanes 3:16 yang berbunyi, "Allah begitu mengasihi dunia sehingga menganugerahkan Anak-Nya yang tunggal supaya setiap orang yang percaya kepada-Nya tidak binasa melainkan mendapat hidup kekal."

# Respons

**A. Kasih Tuhan Untuk Kamu**

1. Bagaimana agaknya perasaan Yesus apabila Dia masuk ke Yerusalem menyedari bahawa Dia akan mati demi dosa-dosa kita?

   Apakah agaknya perasaan kamu jikalau kamu Yesus? Ingat, Yesus tahu bahawa Dia akan mati demi orang yang tidak menyukai-Nya, yang menolak-Nya, dan yang inginkan Dia mati.

2. Apakah agaknya perasaan Tuhan ketika Dia menghantar Anak-Nya untuk mati?

   Adakah kamu akan menghantar seseorang yang kamu kasihi untuk mati demi mereka yang tidak peduli akan kamu dan hanya sedia mentertawakan dan menolak kamu?

Tetapi Tuhan memang buat! Ini menunjukkan betapa Tuhan mengasihi kita sehingga sanggup berbuat demikian. Tiada sesiapa yang siuman akan menghantar seseorang yang dikasihi untuk mati demi mereka yang tidak layak dikasihi langsung. Tetapi, itulah yang dilakukan Tuhan. Tuhan amat mengasihi kamu oleh itu menghantar Anak-Nya mati disalib demi kamu.

**B. "Terima Kasih" saya kepada Tuhan**

Berikut ayat Yohanes 3:16 tetapi ditulis semula khas untuk kamu. Tulis nama kamu dalam ruang kosong di bawah dan kemudian baca secara kuat kepada diri kamu sendiri.

Allah begitu mengasihi __________ sehingga menganugerahkan Anak-Nya yang tunggal supaya saya yang percaya kepada-Nya tidak binasa melainkan mendapat hidup kekal. Amin.

Cuba ambil sedikit masa untuk bersyukur kepada Tuhan untuk kasihnya yang menakjubkan untuk kamu. Seterusnya fikirkan lagu kegemaran kamu dan nyanyikan kepada Tuhan. Beritahu Dia betapa kamu mengasihi-Nya juga.

SAMPLE

*Hak Cipta terpelihara © Pristine World Sdn Bhd*

# Pelajaran 25

## Perjamuan Tuhan

Berdasarkan Bab 18 dalam E-Pelajar

**Kebenaran Alkitab:**
Yesus memanggil kita untuk meneladani-Nya melayan orang lain dengan hati hamba.

**Objektif:**
Agar pelajar meneladani cara Yesus melayan orang lain dengan hati hamba.

**Rujukan Alkitab:**
Matius 26:14-30;
Yohanes 13:1-34

**Ayat Hafalan:**
"Inilah perintah baru yang Kuberikan kepadamu: Kasihilah satu sama lain. Sebagaimana Aku telah mengasihimu, kasihilah sesama sendiri." Yohanes 13:24



SAMPLE

## Belajar

**Diari Bercelaru Saya**

Baca Yohanes 13:1-34 dan Markus 14:12-26

Bayangkan kamu bersama Yesus dan para murid-Nya ketika mereka makan malam terakhir bersama dan kamu tuliskan segala yang kamu saksikan dalam diari kamu.

Berikut apa yang kamu tulis kecuali beberapa fakta bercelaru akibat kamu mengantuk apabila mula menulis. Baca kisah tersebut dan tengok sama ada kamu boleh mengenal pasti fakta mana yang salah. Terdapat 10.

Wah, hebatnya dapat menyaksikan Yesus bersama para murid-Nya. Apabila semua orang sudah duduk, Yesus menanggalkan jubah-Nya, mengikatkan di sekitar pinggang dan mula membasuh kaki para murid-Nya. Bayangkan! Dia berkata kepada mereka yang mereka harus mengikut contoh-Nya dan membasuh kaki satu sama lain. Apabila tiba giliran Yohanes, Yohanes enggan membenarkan Yesus membasuh kakinya. Tetapi Yesus berkata dia harus membenarkannya kalau tidak Yohanes tidak boleh menjadi murid-Nya.



Ketika mereka makan, Yesus berkata dengan suara yang sedih bahawa salah seorang daripada mereka akan mengkhianati Dia. Tiba-tiba semua orang pun sedih. Yohanes menyuruh Petrus bertanya Yesus siapakah orangnya. Yesus berkata bahawa dia yang diberi Yesus sekeping daginglah orangnya. Selepas itu Yesus memberikan daging kepada Yudas, anak Simon Iskariot, yang bertanggungjawab atas beg duit. Yudas segera pergi dan semua orang menyangka bahawa dia keluar membeli makanan lebih untuk mereka.

 Hak Cipta terpelihara © Pristine World Sdn Bhd

Kemudian ketika makan, Yesus mengambil roti, mengucapkan syukur kepada Tuhan dan menyuruh para murid-Nya ambilkan sendiri, Yesus berkata inilah tubuh-Nya. Selepas itu, Dia mengambil secawan air, mengucapkan syukur kepada Tuhan dan memberitahu mereka bahwa inilah darah-Nya yang dicurahkan untuk ramai orang. Dia berkata bahawa Dia tidak akan minum air anggur ini lagi sehingga Dia ke syurga. Kemudian mereka menyanyikan lagu suci and keluar ke Gunung Yerusalem.



Fakta Terkeliru Pembetulan

#1
#2
#3
#4
#5
#6
#7
#8
#9
#10

## Pengajaran daripada Cerita

1. Yudas berpakat dengan ketua-ketua imam untuk mengkhianati Yesus.
2. Yesus membasuh kaki para murid-Nya. Dengan berbuat demikian, Dia memberikan contoh kepada kita supaya rendah hati dan berhati hamba, sikap yang harus diteladani oleh semua pengikut-Nya.

SAMPLE

# Respons

**Meneladani Tuhan**
Yesus memanggil kita meneladani-Nya dan melayan orang lain dengan sikap rendah diri, dengan mempunyai hati hamba. Ini bererti tidak menganggap diri kamu lebih bagus daripada orang lain, dan rela melaksanakan sesuatu dengan gembira, terutama perkara yang kamu tidak ingin buat.

Fikirkan dua orang yang boleh kamu lakukan sesuatu dengan hati hamba dalam minggu akan datang. Tuliskan di bawah.

| | **Orang** | **Apa Yang Akan Saya Buat** |
|---|---|---|
| 1. | | |
| 2. | | |

Kongsikan apa yang kamu tulis atau tidak dengan seorang dalam kelas dan suruh kawan kamu periksa minggu hadapan sama ada kamu telah melakukan apa yang ditulis.

# Doa

Minta Tuhan mengajar kamu supaya rendah hati dan memberikan kamu hati hamba. Berdoalah meminta kekuatan dan supaya kuasa-Nya membantu kamu bertindak dengan hati hamba kepada dua orang yang namanya telah ditulis di atas dan untuk menjadikan hidup kamu berkat kepada mereka dan semua orang yang kamu temui minggu ini.

*Hak Cipta terpelihara © Pristine World Sdn Bhd*

# Pelajaran 26

# Jamuan Paskah dan Ertinya

Berdasarkan Bab 18 dalam E-Pelajar

**Kebenaran Alkitab:** Tuhan membuat perjanjian baharu dengan kita melalui pencurahan darah Yesus untuk menebus dosa kita.

**Objektif:** Agar pelajar faham mengapa pencurahan darah Yesus mampu menebus dosa mereka.

**Rujukan Alkitab:** Markus 14:22-26; Yohanes 13:18-38

**Ayat Hafalan:** "Inilah darah perjanjian yang ditumpahkan bagi ramai orang untuk pengampunan dosa." Matius 26:28



## Diari Bercelaru Saya

Baca Keluaran 12:1-13

Ingat tak cerita Sepuluh Azab yang dihantar Tuhan ke atas orang Mesir? Ini dilakukan Tuhan agar Firaun membebaskan umat-Nya dan mengizinkan mereka meninggalkan Mesir untuk pergi ke tanah yang dijanjikan.

1. Apakah azab kesepuluh yang merupakan azab yang paling dahsyat?
   - ☐ Ribut hujan batu
   - ☐ Nil ditukar menjadi darah
   - ☐ Katak
   - ☐ Ternakan mati
   - ☐ Kematian anak sulung
   - ☐ Belalang juta

2. Untuk mengelakkan ditimpa azab tersebut, orang Israel perlu
   - ☐ Berdoa meminta belas kasihan Tuhan
   - ☐ Menyuruh semua orang duduk rumah
   - ☐ Membunuh seekor anak domba dan menyapukan darahnya pada bingkai pintu rumah
   - ☐ Makan roti tidak beragi selama tujuh hari
   - ☐ Mengorbankan seekor anak domba untuk dosa-dosa mereka

3. Apabila Tuhan nampak darah tersebut, Dia berlalu dari rumah orang Israel dan tidak masuk membunuh anak sulung. Oleh itu anak domba yang dikorbankan untuk melindung anak sulung orang Israel dipanggil
   - ☐ anak domba Korban
   - ☐ anak domba Paskah
   - ☐ Anak Domba Tuhan
   - ☐ anak domba Keluaran



Jadi setiap kali orang Israel menyambut perayaan Paskah, mereka ingat bahawa Tuhan menyelamatkan mereka daripada perhambaan di Mesir. Oleh sebab darah anak domba yang dikorbankan, orang Israel dilindungi daripada penghakiman Tuhan ke atas orang Mesir.



Mereka mampu meninggalkan Mesir dan pergi ke Gunung Sinai, Tuhan membuat perjanjian dengan mereka yang Dialah Tuhan mereka dan merekalah umat-Nya. Tuhan memberikan Perintah Sepuluh serta segala hukum-hukum-Nya untuk membantu mereka hidup sebagai umat-Nya. Demikianlah perjanjian lama Tuhan dengan orang Israel.

SAMPLE


Hak Cipta terpelihara © Pristine World Sdn Bhd

**B. Membenarkan Yesus Bertakhta**
Baca Markus 14:22-26

Berikut beberapa perkataan yang berkaitan dengan makan malam terakhir Yesus bersama para murid-Nya. Perkataan tersebut ditulis secara menegak, mendatar, atau pepenjuru di dalam teka-teki tersebut. Bolehkah kamu mencarinya?

| | | |
|---|---|---|
| **PASKAH** | **TUHAN** | **ROTI** |
| **PERJANJIAN** | **PARA MURID** | **KERAJAAN** |
| **DARAH** | **AIR ANGGUR** | **YESUS** |

| | | | | | | | | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| E | P | I | N | R | O | T | I | S | U | S | T | P |
| D | A | N | D | Z | B | U | L | T | T | E | I | E |
| G | S | O | L | A | B | E | M | I | U | Y | R | R |
| H | K | K | I | O | R | K | H | S | L | H | D | J |
| M | A | E | F | U | V | A | D | P | N | Q | A | A |
| A | H | A | T | N | H | U | H | A | H | Y | R | N |
| A | I | R | A | N | G | G | U | R | X | E | H | J |
| S | O | P | W | E | B | T | Y | U | I | S | A | I |
| D | K | E | R | A | J | A | A | N | V | U | C | A |
| X | C | V | E | I | O | K | A | M | I | S | Y | N |
| P | A | R | A | M | U | R | I | D | N | O | S | V |

## Pengajaran daripada Cerita

1. Yesus memberitahu mereka yang Dia akan dikhianati.
2. Yesus menggunakan jamuan Paskah untuk menggambarkan apa yang akan dilakukan-Nya. Yesus mengumumkan Perjanjian Baru di mana kematian-Nya akan menjadi korban terakhir untuk menebus dan membebaskan semua orang percaya daripada dosa.

SAMPLE

## Respons

Ketika Yesus menyambut perayaan Paskah bersama para murid-Nya, Dia memberi erti baharu kepada perayaan tersebut. Apabila Dia memecah-mecahkan roti, Dia berkata, "Ambillah. Ini tubuh-Ku." Apabila Dia memberi mereka air anggur untuk diminum, Dia berkata,

**Inidarahperjanjian-Kuyangditumpahkanuntukramaiorang.**

______________________________________________

Asingkan kata-kata dan tulis semula apa yang dikatakan Yesus pada garisan di bawah:

Yesus mengumumkan perjanjian baharu di mana kematian-Nya menjadi korban terakhir untuk menebus dosa semua orang. Yesus ibarat anak domba Paskah. Oleh kerana pencurahan darah-Nya, Tuhan berlalu dari dosa kita dan tidak menyalahkan kita lagi.

Lihatlah gelaran yang digunakan oleh Yohanes Pembaptis untuk Yesus dalam gambar kata-kata berikut. Tuliskan ayat tersebut pada garisan di bawah.

Jadi apabila umat Kristian menyambut Perjamuan Tuhan atau Perjamuan Kudus, mereka ingat bahawa Tuhan membuat perjanjian baharu dengan mereka melalui kematian Yesus.

## Fikiran Kamu

Yesuslah anak domba Paskah Tuhan yang mencurahkan darah-Nya agar kamu dibebaskan daripada dosa dan mempunyai kehidupan baharu dalam-Nya. Tuhan bersusah payah menyelamatkan umat-Nya, termasuk kamu, kan? Dia merancang ini dari mula-mula. Apakah perasaan kamu tentang hal ini?




Lain kali, ketika ibadah Perjamuan Kudus pada hari Ahad, ingatlah apa yang kamu fikirkan sekarang dan doakanlah kepada Tuhan. Ingat untuk bersyukur kepada-Nya kerana apa yang dilakukan Yesus. melalui kematian Yesus.

*Hak Cipta terpelihara © Pristine World Sdn Bhd*

# Pelajaran 27

# Taman Getsemani

Berdasarkan Bab 19 dalam E-Pelajar

**Kebenaran Alkitab:**
Tidak kira betapa sukar, kita dipanggil untuk menyerahkan kehendak kita kepada Tuhan dan mengikuti-Nya.

**Objektif:**
Agar pelajar memilih untuk mengikut Tuhan walaupun susah.

**Rujukan Alkitab:**
Markus 14:27-42; 47-56



## Belajar

**Di Taman Getsemani**
Baca Markus 14: 32-51

**Ayat Hafalan:**
"Kata-Nya, "Abba, Bapa, segala-galanya dapat Kaulakukan. Edarkanlah cawan ini daripada-Ku. Namun demikian, bukanlah kehendak-Ku tetapi kehendak-Mu yang terlaksana." Markus 14:36

Bayangkan kamu editor sebuah akhbar harian, The New Jerusalem Times. Tugas kamu adalah untuk meneliti apa yang ditulis wartawan dan memilih apa yang boleh dijadikan berita baik dan cetakkan dalam akhbar tersebut.

Salah seorang daripada wartawan telah mengucar-ngacirkan laporannya tentang peristiwa di Taman Getsemani. Jadi sekarang kamu terpaksa menomborkan semula pernyataan-pernyataan dalam urutan yang betul sebelum berita tersebut boleh dicetak. Yang pertama dibuatkan untuk kamu.

- ( ) Yudas pergi kepada Yesus dan mencium-Nya. Mereka datang menangkap Yesus.
- ( ) Dia membawa Petrus, Yakobus dan Yohanes bersama dan berkata kepada mereka bahawa Dia amat dukacita dan menyuruh mereka duduk dan berjaga ketika Dia berdoa.
- ( ) Selepas itu semua orang meninggalkan Yesus dan melarikan diri.
- ( ) Setelah Yesus kembali buat kali ketiga, mereka masih tidur. Dia mengejutkan mereka dan memberitahu bahawa waktunya sudah tiba dan Dia akan dikhianati.
- ( ) Apabila Yesus kembali, Dia mendapati tiga orang murid tidur. Dia bertanya Petrus mengapa mereka tidak mampu berjaga dan berdoa agar tidak tergoda.
- ( ) Yudas datang bersama orang yang sangat ramai yang dihantar imam agung dan ahli Taurat dan mereka bersenjatakan pedang dan belantan.
- (1) Yesus dan para murid-Nya tiba di suatu tempat yang dinamakan Getsemani dan Dia menyuruh para murid-Nya tunggu sementara Dia berdoa.
- ( ) Petrus menghunus pedang dan menetak telinga salah seorang hamba imam agung.
- ( ) Dia pergi berdoa buat kali kedua, berkata kepada Tuhan bahawa jikalau tidak boleh dielakkan cawan penderitaan, maka biarlah terlaksana kehendak Tuhan.
- ( ) Yesus enggan mengizinkan mereka berlawan, menyatakan bahawa apa yang tersurat dalam Kitab Suci mesti terlaksana.
- ( ) Yesus pergi jauh sedikit lagi lalu merebahkan diri ke tanah, Dia berdoa kepada Bapanya di Syurga, meminta diedarkan cawan penderitaan. Tetapi Dia menambah kata bahawa Dia ingin kehendak Tuhan terlaksana dan bukan kehendak-Nya sendiri.

SAMPLE

 Hak Cipta terpelihara © Pristine World Sdn Bhd

## Pengajaran daripada Cerita

1. Yesus memberitahu Petrus bahawa dia akan menyangkal Tuannya tidak lama lagi. Yesus berkata demikian supaya Petrus kemudiannya boleh mengingati hal tersebut dan bertaubat.
2. Yesus tahu penderitaan yang akan dialami- Nya atas kayu salib, tetapi Dia berserah kepada kehendak Bapa-Nya di syurga.

# Respons

Baca Matius 26:37-39 dan Lukas 22:41-44

1. Apakah perasaan Yesus pada masa ini?

 ___________________________________________________________________

2. Apakah cawan penderitaan yang disebutkan Yesus?

3. Walaupun Yesus meminta Tuhan mengedarkan cawan penderitaan, tetapi apakah yang sudi Dia buat?

**Ketaatan Yesus Kepada Bapa**
Yesus tahu bahawa Tuhan mengutuskan-Nya untuk mati dan betapa dahsyatnya penderitaan-Nya kelak. Tetapi Dia tidak mengikutkan hati-Nya tetapi menurut kehendak Bapa-Nya. Dia memilih untuk mentaati Tuhan walaupun Dia akan menderita kerana Dia mengasihi Bapa-Nya dan yakin bahawa Tuhan selalu tahu apa yang paling baik.

1. Apakah yang akan kamu buat apabila kamu ingin lakukan sesuatu tetapi kamu berasa Tuhan berkata "Jangan" kepada kamu?

- ☐ Buat juga
- ☐ Merajuk dan enggan bercakap dengan Tuhan
- ☐ Berdoa dengan bersungguh-sungguh meminta Tuhan faham
- ☐ Bertengkar dengan Tuhan
- ☐ Bertengkar dengan Tuhan, tetapi akhirnya mematuhi-Nya juga
- ☐ Mentaati Tuhan dan tidak melakukan perkara tersebut
- ☐ Tidak pasti

2. Mengapa agaknya Tuhan ingin kamu mematuhi-Nya?

3. Adakah penting untuk mentaati Tuhan? Mengapa ya atau tidak?

# Doa

*Walaupun Yesus ingin Tuhan mengedarkan cawan penderitaan-Nya, Dia rela mematuhi apa yang Tuhan ingin Dia lakukan walaupun ia bermaksud Dia terpaksa mati. Tidak salah berdoa dan bercakap dengan Tuhan apa yang kamu ingini, tetapi akhirnya kamu perlu meneladani Yesus dan memberitahu Tuhan bahawa kamu akan mentaati-Nya.*

Berdoalah kepada Tuhan supaya membantu kamu tunduk kepada kehendak-Nya dan mengikuti-Nya walaupun susah. Minta Dia membantu kamu melihat contoh Yesus dan mampu berkata, "Bukan kehendakku tetapi kehendak-Mu."

SAMPLE

# Yesus Dihakimi Orang Yahudi

Berdasarkan Bab 20 dalam E-Pelajar

**Kebenaran Alkitab:**
Apabila orang lain berbuat jahat kepada kita, kita harus meneladani Yesus dan tidak membalas dendam.

**Objektif:**
Belajar supaya tidak membalas dendam apabila diperlakukan jahat oleh orang lain.

**Rujukan Alkitab:**
Markus 14:53-72



**Ayat Hafalan:**
"Jangan balas kejahatan dengan kejahatan atau celaan dengan celaan. Sebaliknya balaslah dengan memohon Allah memberkati mereka." 1 Petrus 3:9a

SAMPLE

## Belajar

Baca Markus 14:53-65

Bayangkan kamu wartawan untuk The Jerusalem Sun, sebuah akhbar harian di kota Yerusalem. Kamu berjaya mengikuti Yesus apabila Dia ditangkap dan dibawa kepada imam agung.

Di bawah adalah rencana yang kamu tulis tetapi huruf-huruf beberapa perkataan tercelaru. Isi semula huruf tersebut dan tuliskan ejaan yang betul di atas perkataan tersebut.

| | | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|---|
| **sKirstu** | **maay** | **liah-hali** | **truseP** | **ngiemans** | **bamha** | **hunembmu** |
| **ngalit** | **nami** | **ukfru** | **edauk** | **aMlijs gAaam** | **taka-aakt** | |

**Perbicaraan Yesus**

Mereka yang menangkap Yesus membawa Dia kepada ___________ agung, di mana semua ketua imam, tua-tua dan ___________ Taurat berhimpun bersama. ___________ juga turut masuk dengan diam-diam. Seluruh ___________ berusaha mencari kesaksian terhadap Yesus supaya dapat ___________-Nya, tetapi mereka tidak berjaya. Ramai yang berbohong tentang Yesus tetapi cerita-cerita mereka semua bercanggah. Akhirnya imam agung mengarahkan Yesus menyatakan sama ada Dialah ___________, Anak Tuhan.

Yesus menjawab bahawa memang Dia dan mereka akan melihat Anak Manusia duduk di sebelah kanan Tuhan dan datang dalam awan di ___________. Imam agung mengoyak-ngoyakkan pakaian-nya dan berkata bahawa mereka tidak memerlukan saksi lagi disebabkan ___________ Yesus. Mereka semua menjatuhkan hukuman mati ke atas Yesus.


*Hak Cipta terpelihara © Pristine World Sdn Bhd*

Ketika perbicaraan Yesus, Petrus berada di laman dalam berdiang memanaskan tubuhnya. Salah seorang ___________ perempuan imam agung mengecamnya sebagai murid Yesus. Tetapi Petrus menafikan dua kali. Kemudian apabila orang lain menyatakan bahawa dia orang Galilea seperti Yesus, Petrus menyangkal sekali lagi bahawa dia mengenali Yesus. Saat itu, ___________ berkokok buat kali ___________. Petrus teringat bahawa Yesus sudah memberitahu dia bahawa ini akan berlaku dan dia ___________ dengan kesal.

## Pengajaran daripada Cerita

1. Perbicaraan Yesus tidak dilaksanakan dengan adil. Pemimpin orang Yahudi menggunakan saksi yang bercanggah antara satu sama lain. Akhirnya, Yesus dituduh menghujat.
2. Oleh sebab mereka tidak dapat menjatuhkan hukuman mati ke atas Yesus, mereka menghantar-Nya kepada Pilatus, Gabenor Roma.

# Respons

1. Apakah perasaan kamu apabila orang lain berkata buruk tentang kamu atau mereka tidak perlakukan kamu dengan baik?

   **Sakit hati** **Marah** **Sedih** **Malu**

2. Bagaimana kamu membalas?

   Juga perlakukan mereka dengan buruk

   Beredar pergi

   Menangis

   Memarahi mereka

   Beritahu mereka bahawa mereka berkelakuan buruk

3. Bagaimanakah kelakuan imam agung dan pemimpin Orang Yahudi tehadap Yesus ketika perbicaraan tersebut?

   ______________________________

   ______________________________

4. Adakah segala tuduhan terhadap Yesus itu benar?

   ______________________________

   ______________________________

5. Bagaimanakah Yesus bertindak balas terhadap segala perkara buruk yang dilakukan orang terhadap-Nya?

   ______________________________

   ______________________________

Tuliskan 1 Petrus 3:9 di bawah

______________________________

______________________________

# Doa

Minta Tuhan membantu kamu ingat contoh Yesus setiap kali kamu menghadapi mereka yang tidak memperlakukan kamu dengan baik. Minta Dia mengurniakan kamu sifat baik agar kamu tidak membalas dendam tetapi mampu memberkati orang tersebut.

SAMPLE

# Yesus Menghadap Pilatus

Berdasarkan Bab 20 dalam E-Pelajar

**Kebenaran Alkitab:**
Kita harus berani mempertahankan perkara yang benar walaupun orang lain tidak bersetuju dengan kita.

**Objektif:**
Agar pelajar belajar mempertahankan perkara yang benar walaupun orang lain mempunyai pandangan lain.

**Rujukan Alkitab:**
Yohanes 18:28-19:16;
Matius 27:24-26

**Ayat Hafalan:**
"Namun demikian, kalaupun kamu menderita kerana melakukan yang benar, kamu akan diberkati." 1 Petrus 3:14



SAMPLE

## Belajar

Baca Yohanes 18:28-19:16

Siapakah yang mengucapkan kata-kata ini? Senarai nama diberi di bawah. Tuliskan nama di bawah gelembung ucapan. Setiap nama boleh digunakan lebih daripada sekali.

**Pontius Pilatus** **Yesus** **Orang Yahudi** **Askar Roma**

Apakah tuduhan terhadap lelaki ini?
________________

Kami tidak mempunyai kuasa undang-undang untuk menjatuhkan hukum mati ke atas seseorang.
________________

Daulat Raja orang Yahudi!
________________

Salibkan Dia! Salibkan Dia!
________________

Adakah Kamu Raja orang Yahudi?
________________

Kerajaan-Ku bukanlah daripada dunia ini.
________________

Kamu tidak mungkin mempunyai kuasa langsung ke atas-Ku kecuali diberikan kepadamu dari atas.
________________

Aku bebas daripada kesalahan menumpahkan darah orang yang baik ini. Kamu tanganilah sendiri.
________________

 Hak Cipta terpelihara © Pristine World Sdn Bhd

Aku mendapati-Nya tidak bersalah sama sekali. Mahukah kamu kubebaskan Raja orang Yahudi?

______________________

Jangan bebaskan orang itu. Bebaskan Barabas.

______________________

## Pengajaran daripada Cerita

1. Pilatus dengan betul menghakimi bahawa Yesus tidak melakukan sebarang jenayah. Tetapi dia takut akan imam-imam yang mengancam untuk menyebabkan rusuhan. Pilatus kemudiannya ber setuju untuk menjatuhkan hukuman mati disalib ke atas Yesus.
2. Apabila Petrus menyedari perbuatannya, dia berasa sangat sedih lalu bertaubat. Sebaliknya, Yudas membunuh dirinya sendiri. Petrus menerima pengampunan, manakala Yudas tidak mendapatkannya.

# Respons

1. Perhatikan berapa kali Pontius Pilatus cuba mengelak daripada membuat keputusan menjatuhkan hukuman mati ke atas Yesus.

a. Apakah yang dikatanya kepada imam-imam apabila mereka mula-mula membawa Yesus kepadanya?

______________________

______________________

______________________

b. Apabila dia tidak berjaya mendapati Yesus bersalah melakukan apa-apa jenayah, dia tidak melepaskan Yesus dan sebaliknya, apa yang dilakukan?

______________________

______________________

______________________

2. Apakah pesanan yang dihantar oleh isteri Pilatus kepadanya tentang Yesus (rujuk Matius 27:19)

______________________

______________________

______________________

3. Apabila orang ramai mendesak supaya Yesus disalib, Pilatus takut akan berlaku rusuhan jika dia membebaskan Yesus. Apa yang dilakukannya untuk menunjukkan bahawa dia tidak bertanggungjawab menghukum Yesus mati?

______________________

______________________

______________________

4. Akhirnya Pilatus mengarahkan supaya Yesus dihukum mati walaupun dia tahu Yesus tidak melakukan segala tuduhan ke atas-Nya. Pilatus sedar apa yang dilakukannya itu salah tetapi dia buat juga. Mengapa agaknya Pilatus berbuat demikian?

______________________

______________________

______________________

5. Pilatus seterusnya menyalahkan orang ramai dengan menyatakan bahawa mereka bertanggungjawab, bukan dia. Pada pendapat kamu, adakah Pilatus bertanggungjawab menyebabkan kematian Yesus? Mengapa?

______________________

______________________

______________________

SAMPLE

Walaupun Pilatus tahu Yesus tidak bersalah, dia masih menghukum-Nya mati. Pilatus membuat pilihan tidak melakukan apa yang benar kerana dia takut akan orang ramai.

**Adakah Kamu Menjadi Seperti Pilatus?**
Apa yang akan kamu buat jika menghadapi situasi-situasi berikut?

Kawan-kawan kamu mahu memainkan jenaka jahat ke atas seorang budak dalam kelas yang agak gemuk, semata-mata untuk mempermainkannya. Apa akan kamu buat?

______________________________
______________________________
______________________________
______________________________
______________________________

Keluarga kamu meraikan hari jadi ke-90 nenek dan semua sepupu lebih dewasa bermain bersama dengan gembira. Sepupu kamu yang berumur 4 tahun mengacau membuatkan semua orang berasa jengkel. Salah seorang sepupu lebih dewasa menolak budak itu pergi dan dia jatuh lalu menjerit kuat. Apabila ibu saudara datang berlari, semua sepupu berkata bahawa budak itu terjatuh. Apa akan kamu buat?

______________________________
______________________________
______________________________
______________________________
______________________________

Guru besar memanggil cikgu kamu ke Pejabatnya ketika kelas kamu sedang mengambil ujian bulanan. Semua orang mula meniru antara satu sama lain dan kamu juga diminta tunjukkan jawapan kamu. Apa akan kamu buat?

______________________________
______________________________
______________________________
______________________________
______________________________

Bukan senang mempertahankan apa yang benar dan melakukan apa yang betul, terutamanya jikalau semua orang di sekeliling menentang kamu atau tidak bersetuju dengan kamu. Pilatus tidak melakukan apa yang dia tahu dia patut buat. Tetapi kita tidak perlu meneladani Pilatus dan takutkan orang lain. Baca 1 Petrus 3:14:

*Kalaupun kamu menderita kerana melakukan yang benar, kamu akan diberkati.*

Ingat: Yesus selalu bersama kamu memimpin dan melindung kamu dalam segala hal. Berdoalah dan minta Dia untuk selalu memimpin dan mengajar kamu melakukan apa yang benar dan menyenangkan-Nya.

SAMPLE

 Hak Cipta terpelihara © Pristine World Sdn Bhd

# Penyaliban

Berdasarkan Bab 21 dalam E-Pelajar

**Kebenaran Alkitab:**
Ketika digantung di atas kayu salib, Yesus meminta meminta pengampunan bagi mereka yang bertanggungjawab menyalib-Nya.

**Objektif:**
Agar pelajar membuat pilihan memaafkan mereka yang menyakiti mereka.

**Rujukan Alkitab:**
Lukas 23:26-43;
Yohanes 19:24-27



**Ayat Hafalan:**
“Ampunkanlah dosa-dosa kami, sebagaimana kami mengampuni setiap orang yang bersalah terhadap kami.” Lukas 11:4

SAMPLE

## Belajar

Baca Lukas 23:26-43. Kemudian selesaikan silang kata di bawah.

1.
2.
3.
4.
5.
6.
7.
8.
9
10.



***Tengkorak***
***penjenayah***
***Firdaus***
***Mengejek***
***undi***
***Kirene***
***Ampunilah***
***Bersalah***
***Raja***
***Kayu salib***

1. Simon dari _______________ dipaksa oleh askar untuk memikul salib Yesus.
2. Yesus disalib di atas ini.
3. Yesus meminta Tuhan melakukan ini untuk orang ramai kerana mereka tidak sedar apa yang mereka lakukan.
4. Askar-aksar ____________ Yesus dan memberikannya minum air anggur murah.
5. Papan tanda di atas Yesus bertulis kata-kata: “Inilah _________ orang Yahudi.
6. Salah seorang yang disalib di sebelah Yesus menyatakan bahawa Yesus tidak ___________.
7. Yesus berjanji kepada orang yang mengucapkan pernyataan di atas bahawa dia akan di tempat ini bersama Yesus apabila dia mati.
8. ___________ adalah nama tempat Yesus disalib.
9. Mereka membahagi-bahagikan pakaian Yesus dengan membuang _________.
10. Salah seorang _______________ mempercayai Yesus lalu Yesus berkata kepadanya bahawa dia akan bersama Yesus apabila dia mati.

Hak Cipta terpelihara © Pristine World Sdn Bhd

## Pengajaran daripada Cerita

1. Yesus disalib. Para imam dan orang ramai mengejek-Nya. Terdapat dua orang lain yang disalib di sebelah Yesus. Salah seorang daripada mereka mengejek-Nya, tetapi yang satu lagi meminta diampuni. Yesus menjamin pengampunan untuknya.
2. Yesus memberi arahan terakhir kepada murid-murid serta ibu-Nya.

# Respons

1, Apakah yang dikatakan orang ramai kepada Yesus ketika Dia berada di atas kayu salib?

________________________________________

________________________________________

2. Adakah Yesus layak disalib? Mengapa ya atau tidak?

________________________________________

________________________________________

3. Salah seorang penjenayah juga memerli Yesus. Apakah yang dikatakan seorang lagi penjenayah kepadanya?

________________________________________

________________________________________

4. Apakah yang akan kamu lakukan jika kamu Yesus?

________________________________________

________________________________________

5. Apakah doa Yesus kepada Tuhan untuk orang ramai walaupun diperlakukan seperti itu oleh mereka?

________________________________________

________________________________________

Walaupun Yesus dalam kesakitan yang amat dan sangat menderita, Dia membuat pilihan mengampuni mereka yang menyalib-Nya dan berkata buruk tentang-Nya. Ini juga yang Yesus mahu kita buat – mengampuni mereka yang menyakiti kita sepertimana Dia mengampuni dosa-dosa kita.

**Mengampuni Orang Lain**
Siapakah beberapa orang yang pernah menyakiti kamu? Tuliskan nama mereka dan apa perbuatan mereka yang belum kamu ampuni.

***Ikut senarai nama itu satu persatu*** dan beritahu Tuhan bahawa kamu mengampuni mereka untuk apa yang telah mereka lakukan kepada kamu dan bahawa kamu tidak mahu marah atau susah hati dengan mereka lagi. Jikalau kamu mendapati sukar mengampuni, mintalah Tuhan membantu kamu.

***Sekarang lukiskan pangkah besar*** di atas seluruh senarai tersebut – ini untuk mengingatkan kamu bahawa kamu telah mengampuni mereka dan tidak mahu memendam perasaan negatif terhadap mereka lagi.




# Doa

Baca Lukas 11:4. Kemudian berdoalah kepada Tuhan berdasarkan ayat yang kamu baca tadi.

SAMPLE


Hak Cipta terpelihara © Pristine World Sdn Bhd

# Pelajaran 31

# Jam Selepas Penyaliban

Berdasarkan Bab 21 dalam E-Pelajar

**Kebenaran Alkitab:**
Demi menyelamatkan kita daripada dosa dan menyingkirkan halangan antara kita dengan Tuhan, Yesus terpaksa menderita dan mati disalib.

**Objektif:**
Agar pelajar memberi respons kepada Yesus dengan kasih apabila mereka sedar tahap penderitaan yang dilalui-Nya demi menyelamatkan mereka daripada dosa.

**Rujukan Alkitab:** Matius 27:45-61; Yohanes 19:30-37



**Ayat Hafalan:**
"Dia menanggung dosa kita dalam tubuh-Nya sendiri di kayu salib, supaya kita mati terhadap dosa dan hidup untuk perbenaran. Luka-luka-Nya telah menyembuhkan kamu." 1 Petrus 2:24

SAMPLE

## Yesus Di Atas Kayu Salib

Baca Matius 27:45-61 dan Yohanes 19:30-34

Isi tempat kosong dalam penyataan-penyataan di bawah. Kemudian cari dan lukiskan garisan di atas jawapan tersebut dalam petak Carian Kata.

| | | | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|---|---|
| **Nikodemus** | **kegelapan** | **lembing** | **Anak** | **tinggalkan** | **batu** | **selesai** | **roh** |
| **Bait Suci** | **span** | **Yusuf** | **gempa bumi** | **Pilatus** | **mematahkan** | **makam** | **Elia** |

- Pada waktu tengah hari, seluruh negeri diselubungi **kegelapan**.
- Kira-kira pukul tiga, Yesus berseru "Ya Tuhan-Ku, ya Tuhan-Ku, mengapa Kau **tinggalkan** Aku?
- Seseorang dari kerumunan mengambil sebuah __________, memenuhinya dengan air anggur masam, meletakkannya di penghujung sebatang kayu dan cuba untuk membuat Yesus meminumnya.
- Yang lain berkata, "Mari kita lihat kalau __________ datang menyelamatkan-Nya.
- Yesus berkata, "Sudah __________. Ya Bapa, Aku menyerahkan ______-Ku ke dalam tangan-Mu!"
- Tirai __________ terbelah dua.
- Apabila ketua tentera dan askar-askar lain menyaksikan __________ dan segala yang berlaku, mereka takut lalu berkata, "Memang Dia __________ Tuhan."
- Orang Yahudi tidak mahu mayat-mayat ditinggalkan atas kayu salib pada hari Sabat lalu meminta __________ supaya mayat-may at dibawa pergi.

*Hak Cipta terpelihara © Pristine World Sdn Bhd*

- Apabila askar sampai kepada Yesus Dia sudah tidak bernyawa lagi dan mereka tidak ______________ kaki-Nya.
- Tetapi seorang askar itu menikam rusuk-Nya dengan __________.
- Petang itu, seorang bernama __________ yang berasal dari kota Arimatea, meminta izin mengebumikan jenazah Yesus di dalam makamnya.
- __________ membawa ramuan mir dan gaharu, mereka mengafankan jenazah Yesus dengan kain linen dan ramuan rempah.
- Mereka membaringkan jenazah Yesus di dalam sebuah ___________ lalu menggulingkan sebuah ________ besar menutup pintu makam itu.

| | | | | | | | | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| M | E | M | A | T | A | H | K | A | N | M | U | L |
| A | P | L | U | N | E | A | E | S | I | E | P | E |
| S | T | L | I | M | A | B | D | M | K | R | I | M |
| E | I | G | K | A | A | K | O | K | O | O | L | B |
| L | N | A | E | B | K | A | U | H | D | U | A | I |
| E | G | L | G | I | A | U | S | I | E | S | T | N |
| S | G | E | E | H | A | I | G | N | M | G | U | G |
| A | A | L | L | O | Y | T | T | H | U | A | S | E |
| I | L | L | A | R | U | U | M | S | S | P | A | N |
| A | K | E | P | I | S | M | S | A | U | E | A | U |
| M | A | K | A | M | A | S | A | U | A | C | T | A |
| E | N | F | N | H | N | A | M | E | F | A | I | I |
| U | S | I | N | G | E | M | P | A | B | U | M | I |

## Pengajaran daripada Cerita

1. Kejadian-kejadian yang berlaku sejurus sahaja Yesus mati di atas kayu salib membuktikan bahawa Dia benar-benar Anak Tuhan.
2. Tusukan lembing seorang askar mengesahkan bahawa Yesus sudah mati sebelum mereka menurunkan jasadnya untuk dikebumikan.

SAMPLE

## Respons

Penyaliban merupakan salah satu hukuman mati paling dahsyat dan menyakitkan yang diamalkan oleh Orang Romawi. Ia biasanya dikhaskan untuk penjenayah dan perusuh yang paling jahat dan teruk. Selalunya, mangsa-mangsa mati secara perlahan-lahan dan dalam keadaan terseksa.

1. Apakah yang dialami Yesus sebelum Dia dipaku pada kayu salib (lihat Matius 27:26, 20)?

______________________________________________________________________
______________________________________________________________________
______________________________________________________________________
______________________________________________________________________

2. Yesus barangkali amat lemah kerana Dia tidak mampu memikul kayu salib-Nya sendiri. Selepas itu, Dia dipaku pada kayu salib tersebut. Bagaimana agaknya perasaan Yesus ketika Dia melalui segala penderitaan-Nya?

______________________________________________________________________
______________________________________________________________________
______________________________________________________________________
______________________________________________________________________

3. Yesus digantung pada kayu salib kira-kira selama tiga jam. Kemudian Dia berseru kepada Tuhan, bertanya mengapa Tuhan meninggalkan-Nya. Pada pendapat kamu, apa agaknya perasaan Yesus pada masa ini?

______________________________________________________________________
______________________________________________________________________
______________________________________________________________________
______________________________________________________________________


*Hak Cipta terpelihara © Pristine World Sdn Bhd*

*Yesus amat menderita kerana kita. Dia mengalami kesakitan dan penderitaan yang paling dahsyat. Paling penting, Dia dipisahkan dari Bapa-Nya ketika Dia memikul dosa-dosa kita. Itu pastinya penderitaan yang paling teruk bagi-Nya. Dia mengalami segala penderitaan ini untuk kita kerana Dia mengasihi kita tanpa syarat, tidak kira sama ada kita mengasihi-Nya kembali atau tidak, sama ada kita mengikuti-Nya atau tidak.*

Bagaimanakah kamu boleh tunjukkan kasih kamu kepada Yesus dan untuk segala yang dilakukan-Nya untuk kamu?

**Bersyukur kepada-Nya!**

Tulis nota ringkas untuk berterima kasih kepada Yesus dan memberitahu-Nya betapa kamu mengasihi-Nya untuk segala penderitaan yang dialami-Nya kerana kamu.

**Puji Dia!**

Nyanyikan salah satu lagu kegemaran kamu kepada Yesus untuk memberitahu Dia betapa istimewanya Dia kerana begitu mengasihi kamu.

**Mentaati-Nya!**

Yesus berkata bahawa jika kamu mengasihi-Nya, kamu akan mentaati kata-kata-Nya. Fikirkan perkara yang kamu boleh lakukan untuk mentaati Yesus dan tuliskan di bawah.

Saya boleh __________

Saya akan _______

# Doa

Mintalah Tuhan membantu kamu mengasihi Yesus dengan mentaati-Nya dan serahkan segala yang ditulis di atas kepada-Nya.

SAMPLE

# Pelajaran 32

## Kebangkitan

Berdasarkan Bab 22 dalam E-Pelajar

**Kebenaran Alkitab:**
Tuhan membangkitkan Yesus seperti yang dijanjikan-Nya dalam Firman-Nya.

**Objektif:**
Agar pelajar didorong kerana mengetahui bahawa Tuhan berkuasa melakukan segala yang dijanjikan-Nya dalam Firman-Nya.

**Rujukan Alkitab:**
Matius 27:62-66; 28:1-10; Yohanes 20:3-29

**Ayat Hafalan:**
"Allah telah membangkitkan Yesus ini dan kami semua menyaksikannya." Kisah Para Rasul 2:32

## Belajar

Baca Matius 27:62-66 dan 28:1-10

**Fail Fakta: Peristiwa di Makam pada hari Sabtu**

- Pemimpin Orang Yahudi takut kalau-kalau ____________________
- Mereka menghadap Pilatus dan meminta ____________________
- Pilatus menyuruh mereka ____________________
- Mereka memperkukuhkan makam dengan ____________________

**Fail Fakta: Peristiwa di Makam pada Pagi Ahad**

- Maria Magdalena dan Maria yang seorang lagi pergi ke ____________________
- Tiba-tiba terjadi gempa bumi dan seorang malaikat ____________________
- Pengawal begitu takut sehingga ____________________
- Malaikat berkata kepada perempuan-perempuan bahawa Yesus ____________________



SAMPLE

### Pengajaran daripada Cerita

1. Pihak berkuasa orang Yahudi meminta Gabenor Roma supaya menghantar sepasukan askar untuk memeterai serta mengawal kubur Yesus. Pasukan askar ini ditugaskan untuk menghalang pencuri biasa ataupun murid Yesus daripada mencuri jenazah Yesus.
2. Yesus bangkit pada hari ketiga selepas penyaliban-Nya. Gempa bumi yang dahsyat berlaku dan malaikat menampakkan diri.

## Respons

Baca soalan-soalan di bawah dan potong jawapan-jawapan yang salah.

1. Mengapa pemimpin orang Yahudi mahu Pilatus menugaskan pengawal di luar makam Yesus?
   - Mereka takut Yesus akan keluar dari makam itu.
   - Mereka tidak mahu para murid Yesus datang mencuri jenazah-Nya.
   - Mereka ingin memastikan bahawa Yesus tidak dapat melarikan diri.
   - Mereka risau bahawa orang ramai datang mengacau makam tersebut.


*Hak Cipta terpelihara © Pristine World Sdn Bhd*

2. Adakah pemimpin orang Yahudi berfikir Yesus boleh hidup semula?

- Ya
- Tidak

3. Apakah yang dirisaukan perempuan-perempuan apabila mereka pergi ke makam Yesus (lihat Markus 16:3)?

❍ Batu tersebut terlalu berat untuk mereka alihkan.

❍ Jenazah Yesus tidak berada di sana lagi.

❍ Sama ada para murid lain telah membawa pergi jenazah Yesus.

❍ Pengawal tidak akan membenarkan mereka menghampiri makam tersebut.

4. Adakah perempuan-perempuan tersebut menjangka Yesus dibangkitkan semula daripada maut?

❍Ya ❍Tidak

5. Pernahkah Yesus memberitahu para murid-Nya bahawa Dia akan dibangkitkan semula daripada maut?

❍Ya ❍Tidak

**Huraikan kod untuk mendapat tahu apa yang dikatakan Yesus kepada para murid-Nya.**

**# = a  * = e  @ = i  & = o  % = u**

D@# h#r%s p*rg@ k* Y*r%s#l*m d#n
m*n#ngg%ng b#ny#k p*nd*r@t##n
d#r@p#d# p@h#k p*m@mp@n m#sy#r#k#t,
k*t%# @m#m, d#n #hl@ T#%r#t. D@# #k#n
d@b%n%h, t*t#p@ p#d# h#r@ k*t@g#
#k#n d@b#ngk@@k#n s*m%l#.

______________________________
______________________________
______________________________
______________________________
______________________________
______________________________

Matius 16:21



akah yang berlaku kepada orang atau haiwan apabila mereka mati?

______________________________
______________________________





ehkah mereka hidup semula?

______________________________

*Tetapi dalam kes Yesus, Tuhan memang menghidupkan Dia kembali! Tuhan membangkitkan Yesus daripada maut sepertimana yang dijanjikan-Nya. Dan dosa-dosa kita sekarang diampuni kerana Yesus mati demi dosa-dosa kita dan Dia telah mengalahkan kematian. Yesus mengurniakan kita kehidupan baharu bersama-Nya. Bukankah itu berita baik?*

**Jadi ingatlah dan bersyukur:**
Yesus mati dan bangkit semula agar kamu beroleh kehidupan baharu dan hidup untuk Tuhan pada hari ini.

# Doa

Ya Tuhan, saya memuji Engkau kerana Engkau berkuasa melaksanakan segala yang dijanjikan dalam Firman-Mu. Terima kasih kerana mengutus Yesus untuk berkorban demi kami, dan kerana membangkitkan Dia semula agar dosa-dosa saya diampun dan saya boleh menjalankan kehidupan baharu bersama Engkau. Amin.

SAMPLE

# Pelajaran 33

## Sarapan Terakhir

Berdasarkan Bab 23 dalam E-Pelajar

**Kebenaran Alkitab:** Tuhan begitu mengasihi kita sehingga Dia tidak putus asa dengan kita walaupun kita berdosa terhadap-Nya.

**Objektif:**
Agar pelajar yakin bahawa Tuhan begitu mengasihi mereka dan akan mengampuni mereka apabila mereka bertaubat tanpa mengira apa yang telah mereka lakukan.

**Rujukan Alkitab:** Yohanes 21

**Ayat Hafalan:**
"Tuhan penuh belas kasihan dan kasih kurnia, panjang sabar serta melimpah kasih-Nya."
Mazmur 103:8



SAMPLE

## Belajar

Baca Yohanes 21. Kemudian isi tempat kosong menggunakan perkataan dari Kumpulan Kata

**domba-domba  Petrus  koyak  roti  tiga  mengikuti  anak-anak domba  Tiberias**
**ikan  memancing  Ya  makan  kanan  malam  terjun  Yesus  mengasihi**

**Diari Yohanes**

Suatu hari, sekumpulan kami, murid Yesus bersama-sama di tepi Laut ____________. Petrus bertanya sama ada kami mahu ____________ lalu kami ikut dia dalam perahu. Kami berusaha sepanjang ____________ tetapi tidak menangkap apa-apa. Sungguh mengecewakan. Awal pagi, kami nampak seorang berdiri di tepi pantai tetapi kami tidak sedar bahawa dialah ____________. Dia menyuruh kami menebarkan jala pada sebelah ____________ perahu dan terperanjatnya, kami mengangkap begitu banyak ____________ sehingga tidak terdaya menarik kembali jala! Saya sedar orang itu pastilah Yesus dan memberitahu ____________ bahawa itu Tuhan.

**Diari Petrus**

Saat saya dengar Yohanes berkata itu Yesus, saya ____________ ke dalam air dan pergi kepada-Nya. Yesus sudah menyalakan api dan terdapat ikan dan ____________ dibakar. Dia menyuruh kami membawa sedikit ikan yang kami tangkap. Saya menaiki perahu dan membantu menyeret jala ke darat. Walaupun berisi banyak ikan besar, jala tersebut tidak ____________. Tuhan seterusnya suruh kami datang ____________. Tiada sesiapa berani bertanya siapakah Dia kerana kami semua tahu Dialah Yesus.

Selepas sarapan, Yesus membawa saya ke tepi dan bertanya, bukan sekali tetapi ____________ kali sama ada saya ____________ Dia. Setiap kali saya menjawab ____________, Dia menyuruh saya memelihara ____________ dan____________-Nya. Apabila saya bertanya Yesus mengenai Yohanes, Yesus mejawab itu bukan keprihatinan saya, apa yang penting adalah saya ____________-Nya.


*Hak Cipta terpelihara © Pristine World Sdn Bhd*

## Pengajaran daripada Cerita

1. Yesus melantik kembali Simon Petrus sebagai murid-Nya dan ketua para pengikut-Nya.
2. Yohanes menerangkan sebab mengapa dia mencatatkan segala peristiwa tersebut.

# Respons

1. Apabila Yesus ditangkap, Petrus telah menyangkal Yesus bukan sekali dua, tetapi tiga kali. Selepas itu, dia berlari keluar dan menangis. Bagaimanakah agaknya perasaan Petrus ketika itu?

   ________________________________________

   ________________________________________

2. Jikalau kamu Petrus, apakah perasaan kamu?

   ________________________________________

   ________________________________________

   Bagaimana agaknya perasaan Yesus terhadap Petrus? Adakah kamu fikir Yesus akan mengampuni Petrus?

   ________________________________________

   ________________________________________

3. Bagaimana Yesus menunjukkan bahawa Dia telah mengampuni Petrus?

   ________________________________________

   ________________________________________

4. Bolehkah kamu memikirkan beberapa perkara yang telah kamu lakukan dan masih belum diampuni oleh Tuhan?

   ________________________________________

   ________________________________________

Seperti Petrus, jika kamu menyesali apa yang pernah kamu buat, datanglah kepada Tuhan dan beritahu Dia bahawa kamu insaf akan segala perkara yang kamu senaraikan di atas.

**Sekarang dengarlah kata-kata Yesus kepada kamu:**

| | |
|---|---|
| "Adakah kamu mengasihi-Ku?" Apa akan kamu jawab? | |
| "Marilah ikuti-Ku." Apa akan kamu jawab? | |

Apabila kamu datang kepada Tuhan dan memberitahu-Nya bahawa kamu menyesali apa yang telah kamu lakukan, Dia selalu mengampuni kamu dan memberi kamu peluang lagi kerana Dia mengasihi kamu.

# Doa

Bersyukur kepada Tuhan kerana Dia begitu mengasihi kamu sehingga sudi mengampuni kamu tidak kira apa yang kamu telah lakukan asalkan kamu insaf. Minta Dia membantu kamu terus mengasihi-Nya serta meyakini dan mentaati-Nya.

SAMPLE

# Perintah Untuk Memberitakan Injil

Berdasarkan Bab 24 dalam E-Pelajar

**Kebenaran Alkitab:**
Kata-kata terakhir Yesus kepada para murid-Nya adalah untuk memberi kesaksian kepada semua orang di seluruh dunia tentang apa yang telah dilakukan Yesus dan mengajar orang bagaimana menjadi murid-Nya.

**Objektif:**
Agar pelajar benar-benar mentaati perintah Yesus untuk memberi kesaksian tentang apa yang telah dilakukan Yesus untuk mereka.

**Rujukan Alkitab:**
Matius 28:11-20; Lukas 24:44-53; Kisah Para Rasul 1:10-11; Lukas 1:1-4



**Ayat Hafalan:**
"Oleh itu pergilah, jadikan semua bangsa murid-Ku. Baptislah mereka dengan nama Bapa, Anak dan Roh Kudus. Ajarlah mereka supaya taat akan segala perkara yang telah Kuperintahkan kepadamu. Aku akan sentiasa bersamamu, hingga ke akhir zaman." Matius 28:19-20

SAMPLE

## Belajar

Kata-kata Terakhir Yesus kepada Para Murid-Nya
Baca Matius 28:16-20; Lukas 24:44-53

Kata-kata terakhir Yesus kepada para murid-Nya telah bercampur aduk. Lengkapkan ayat-ayat Yesus dengan melukiskan garisan untuk menyambungkan semula bahagian-bahagian yang betul.

| | |
|---|---|
| *Segala kekuasaan, baik di syurga mahupun di bumi* | *dan Anak dan Roh Kudus* |
| *Pergilah jadikan* | *dengan kuasa dari tempat tinggi* |
| *Baptislah mereka dengan nama Bapa* | *pemberian yang dijanjikan Bapa-Ku kepadamu* |
| *Ajarlah mereka supaya taat akan segala perkara* | *hingga ke akhir zaman* |
| *Aku akan sentiasa bersamamu* | *telah diserahkan kepada-Ku* |
| *Aku akan mengurniakan* | *yang telah Kuperintahkan kepadamu* |
| *Tunggulah di Yerusalem sehingga kamu diperlengkap* | *semua bangsa murid-Ku.* |

### Pengajaran daripada Cerita

1. Pihak berkuasa orang Yahudi merasuah askar pengawal Roma untuk menyebarkan laporan palsu bahawa murid Yesus telah mencuri jenazah-Nya dan sedang mengisytiharkan kebangkitan-Nya.
2. Yesus memberikan Amanat Agung - Perintah untuk memberitakan injil kepada para murid-Nya. Mereka harus mengkhabarkan Berita Baik tentang penyelamatan Tuhan ke seluruh dunia dan menjadikan semua orang yang percaya sebagai pengikut Yesus.
3. Yesus menyuruh mereka menunggu kehadiran Roh Kudus yang akan memimpin dan memperkuasai mereka apabila mereka memberitakan ajaran-Nya ke seluruh dunia.


*Hak Cipta terpelihara © Pristine World Sdn Bhd*

# Respons

Bubuh tanda rait dalam petak yang betul. Mungkin terdapat lebih daripada satu jawapan yang betul.

1. Yesus inginkan para murid-Nya pergi memberitakan segala yang telah dilakukan-Nya untuk mereka.
   a. Ke manakah patut mereka pergi?
      - ☐ Di luar Yerusalem
      - ☐ Dalam negeri
      - ☐ Setiap negara
      - ☐ Empayar Rom

   b. Apa yang harus mereka buat?
      - ☐ Jadikan orang murid Yesus
      - ☐ Mengajar mereka segala yang diajar Yesus.
      - ☐ Membaptis mereka dalam nama Triniti
      - ☐ Membantu golongan miskin
      - ☐ Mendirikan gereja

   c. Mengapa agaknya ini begitu penting bagi Yesus?

      ______________________________

      ______________________________

   d. Apakah jaminan yang diberi Yesus kepada mereka?
      - ☐ Tuhan akan mendengar doa mereka
      - ☐ Tuhan telah memberikan-Nya segala kekuasaan di syurga mahupun di bumi
      - ☐ Dia akan selalu bersama mereka
      - ☐ Bagi Tuhan tidak ada satu pun yang mustahil

2. Sebelum mereka memulakan misi mereka, Yesus menyuruh mereka tunggu dahulu. Apa yang mereka nantikan dan mengapa?

**Kata-kata Terakhir Kamu**

Bayangkan keluarga kamu akan pindah ke tempat jauh dan kamu barangkali tidak dapat berjumpa kawan-kawan kamu lagi. Kawan-kawan kamu mengadakan jamuan perpisahan untuk kamu dan mereka inginkan kamu mengucapkan kata-kata perpisahan kamu. Tuliskan di bawah apa yang kamu hendak cakap:

**Ucapan Selamat Tinggal Saya Kepada Kawan-kawan**

Apa yang akan kamu ucapkan pastilah penting kepada kamu, bukan? Kamu tentu berkongsi perkara dari dalam lubuk hati untuk menggalakkan kawan-kawan kamu.

Begitu juga, apabila Yesus pulang ke syurga, Dia berkongsi dengan para murid-Nya apa yang paling penting bagi-Nya – memberitakan kepada semua orang di dunia apa yang dilakukan-Nya untuk mereka dan menjadikan mereka murid-Nya.

**Perintah Untuk Memberitakan Injil**
Kata-kata terakhir Yesus kepada para murid-Nya dikenali sebagai Perintah Untuk Memberitakan Injil. Di bawah ada beberapa cadangan untuk membantu kamu menjadikan Perintah Untuk Memberitakan Injil Yesus sebahagian daripada hidup kamu. Ingat bahawa Yesus berjanji akan selalu bersama kamu ketika kamu melaksanakan perintah-Nya.

1. Saya boleh mendoakan kawan-kawan saya dan memberitahu mereka tentang Yesus.
2. Saya boleh memberi wang kepada pertubuhan misi terutama yang dibiayai oleh gereja saya.
3. Saya boleh berdoa untuk mubaligh yang dibiayai gereja saya.
4. Cadangan lain

SAMPLE

# Doa

Fikirkan apa yang boleh kamu buat dan kemudian berdoalah dan minta Tuhan membantu kamu mempraktikkan perkara tersebut dalam hidup kamu.

# Nota

SAMPLE

 *Hak Cipta terpelihara © Pristine World Sdn Bhd*

SAMPLE

# Siri Penjelajahan Visual Alkitab




Kejadian - Pada Mulanya




Musa dan Keluaran




Yosua dan Hakim-Hakim




Cerita Kehidupan Yesus




Kisah Rasul-Rasul Jilid 1




Kisah Rasul-Rasul Jilid 2

SAMPLE

PristineWorld

Visit us at www.pristine-world.com
For inquiries e-mail us at
pristineworld@gmail.com